



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Ketua Pembangkang—Y.B. Tuan Lim Kit Siang [Ruangan 4725]

Penahanan Ahli-ahli Dewan Rakyat di bawah Seksyen 73 (1), Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 [Ruangan 4725]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 4726]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1977 [Ruangan 4740]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1977 [Ruangan 4740]

Penangguhan [Ruangan 4792]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, DATUK HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ DATUK ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABDUL SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Kiningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).

Yang Berhormat TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).

- .. DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- .. TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- .. TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- .. TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- .. DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- .. TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- .. TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- .. TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- .. TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- .. TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- .. TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- .. TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- .. TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- .. TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- .. TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- .. DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- .. TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- .. DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- .. DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- .. TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- .. TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- .. TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- .. DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- .. TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- .. DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- .. TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- .. TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- .. TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- .. TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- .. TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- .. TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- .. DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).

Yang Berhormat TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).

- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beras).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 5hb November, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA

KETUA PEMBANGKANG—Y.B. TUAN LIM KIT SIANG

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu saya telah menerima sepucuk surat daripada Yang Berhormat Encik Lee Lam Thye selaku whip Pembangkang bertarikh 4hb November, 1976 yang menyatakan bahawa Ahli-ahli Parlimen dari Parti D.A.P. telah bersetuju menyambung tempoh Yang Berhormat Encik Lim Kit Siang sebagai Ketua Pembangkang bagi seluruh tempoh Parlimen Yang Keempat ini.

Oleh itu, saya mengiktirafkan bahawa Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang sebagai Ketua Pembangkang dalam Dewan ini (*Tepuk*).

PENAHANAN AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT DI BAWAH SEKSYEN 73 (1)

AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI, 1960

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka memaklumkan juga pada hari ini Setiausaha Dewan Rakyat telah menerima sepucuk surat daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia yang bertarikh pada hari ini juga menyatakan bahawa pihak Polis telah menahan Ahli-ahli Dewan Rakyat seperti berikut di bawah Seksyen 73 (1), Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960:

- (1) Yang Berhormat Datuk Abdullah Ahmad, Ahli Dewan Rakyat Kawasan

Machang ditahan pada 2hb November, 1976 jam 8.20 malam;

- (2) Yang Berhormat Encik Abdullah Majid, Ahli Dewan Rakyat Kawasan Raub ditahan pada 2hb November, 1976 jam 8.30 malam;

- (3) Yang Berhormat Encik Chian Heng Kai, Ahli Dewan Rakyat Kawasan Batu Gajah ditahan pada 3hb November, 1976 jam 2.50 pagi.

Pihak Polis sedang menjalankan penyiasatan ke atas mereka.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

AKTA KEMAJUAN PETROLIAM

1. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar Akta Kemajuan Petroliaam 1974 hendak dipinda dan jika benar apakah sebabnya, adakah benar ini satu langkah bagi memuaskan kehendak pihak syarikat mencarigali minyak bagi membuka jalan dalam perusahaan minyak di negara ini. Sehingga ini apakah kesimpulan dalam membuat perjanjian minyak dengan pihak syarikat mengusahanya dan adakah tarikh 15-11-76 itu merupakan tarikh akhir yang muktamad dalam perunding hal ini.

Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn): Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun memberitahu Dewan ini pada 27hb Oktober yang lalu bahawa Akta Kemajuan Petroliaam 1974 sedang dikaji oleh sebuah Jawatankuasa Kabinet mengenai pelaburan. Apa-apa pindaan kepada Akta itu yang akan dibuat, bukanlah semata-mata untuk memuaskan kehendak syarikat mencarigali minyak bagi membuka jalan dalam perusahaan minyak di

negara ini sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, tetapi adalah bertujuan supaya memperbaiki lagi suasana hendak menggalakkan pelaburan asing ke negara ini.

Berkenaan dengan perjanjian perkongsian minyak dengan syarikat-syarikat minyak, saya telah juga memberitahu Dewan ini pada 25hb Oktober yang lalu bahawa PETRONAS masih berunding dengan syarikat-syarikat tersebut dengan tujuan mencapai persetujuan sebelum atau pada 15hb bulan ini.

Berkenaan dengan pertanyaan samada tarikh 15hb November itu merupakan tarikh akhir, saya hendak menyatakan bahawa sehingga masa ini, tidak ada sebab-sebab yang berpatutan yang memerlukan penukaran kepada tarikh yang lain.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu samada pihak PETRONAS telah mencapai persetujuan muktamad dengan Syarikat SHELL mengenai perjanjian perkongsian ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, perundingan masih berjalan dan sebarang keputusan daripada perundingan itu akan diumumkan, bukan sahaja kepada Dewan ini bahkan juga kepada negara kita.

PERNAS—PERUSAHAAN MEMBAIKI KAPAL

2. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Perdana Menteri menyatakan samada PERNAS bercadang mengadakan kemudahan-kemudahan membina dan membaiki kapal supaya dengan perlaksanaan dasar ini pelabuhan-pelabuhan seperti di Kuching, Labuan, Kudat, Kuantan dan Johor Bahru akan memperolehi keuntungan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, PERNAS tidak ada dan tidak bercadang untuk mengadakan perusahaan memperbaiki kapal. Penglibatan PERNAS setakat ini hanyalah satu pelaburan yang kecil dalam Syarikat Hong Leong-Lurssen sebuah syarikat pembuat dan pembaiki kapal.

YUNIT PERANCANG EKONOMI (EPU)

3. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau hendak mengkaji semula tugas Yunit Perancang Ekonomi. Jika ya, mengapa; jika tidak, kenapa.

Menteri Tak Berportfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, saya telahpun memberi satu jawapan di dalam Dewan ini pada 27hb Oktober, 1976 tentang tanggungjawab Bahagian Perancang Ekonomi dalam Jabatan Perdana Menteri. Sebenarnya, sebagai sebuah Badan yang bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja perancangan, ianya juga menumpukan perhatian ke atas dasar-dasar pembangunan negara bagi jangkamasa sederhana dan jangkamasa panjang. Tugas penting ini dijalankan dengan kerjasama Kerajaan Negeri-Kerajaan Negeri dan agensi-agensi yang lain untuk meluaskan usaha pembangunan. Saya yakin dengan usaha ini Bahagian Perancang Ekonomi akan dapat memberi sumbangan yang penting bagi melaksanakan dasar Kerajaan. Setakat ini tidak ada cadangan untuk menyusun semula tugas-tugas Bahagian ini.

DADAH DI GERAJ-GERAJ KOPI

4. Tuan James Stephen Tibok (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Undang-undang menyatakan:

- (a) adakah benar bahawa 90% dari gerai-gerai kopi di Bandaraya Kuala Lumpur ini, seperti dinyatakan oleh Timbalan Ketua Pengarah C.I.D. di Seminar mengenai Penyalahgunaan dadah di Pusat Penyelidikan Perubatan telah digunakan sebagai tempat kegiatan pengedar dadah, kiranya benar, apa tindakan Kerajaan terhadap gerai-gerai ini kerana kegiatan ini adalah amat merbahaya kepada negara kita; dan
- (b) semenjak gerai-gerai ini dapat dikesan oleh Polis berapa banyak yang telah dapat ditangkap dan dibicarakan dan adakah dibenarkan pesalah ini membuka gerainya semula kerana kegiatan-nya yang salah itu.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Maksud Timbalan Pengarah Cawangan Jenayah dalam kenyataannya di Pusat Penyelidikan Perubatan itu ialah bahawa ada gerai-gerai dalam Bandaraya Kuala Lumpur yang dikunjungi oleh sebilangan besar pengedar-pengedar dan penagih-penagih dadah untuk kegiatan-kegiatan mereka yang haram. Tidaklah dimaksudkan bahawa 90% dari gerai-gerai di dalam Bandaraya Kuala Lumpur telah digunakan oleh tuan punya gerai sebagai tempat mengedar dadah.
- (b) Setakat ini belum ada tuan punya gerai yang ditangkap bersabit dengan kegiatan dadah. Oleh yang demikian tiada tindakan dapat diambil terhadap mereka. Walau bagaimanapun, perhatian sedang diambil ke atas gerai-gerai, terutama yang disyaki terlibat dalam kegiatan-kegiatan dadah.

MAS KE AUSTRALIA

5. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa iklan berkaitan dengan MAS di Australia dan New Zealand sangat berkurangan walaupun MAS telah membuka cawangannya di Perth, Sydney dan Melbourne.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan (Tuan Luhah Wan): Tuan Yang di-Pertua, dalam menimbangkan perbelanjaan bagi pengiklanan perkhidmatannya, Syarikat MAS mengkaji dengan teliti perkara ini berdasarkan bilangan perkhidmatan yang diadakan bagi sesuatu destinasi. Perkhidmatan MAS ke Australia adalah cuma dua kali seminggu ke Sydney dan Melbourne, dan dua kali seminggu ke Perth. Berdasarkan dua perkhidmatan seminggu ini pihak MAS telahpun memperuntukkan \$800,000 bagi tahun kewangan 1976/1977 dan jumlah ini adalah difikirkan memadai. Namun demikian, perkara ini adalah dikaji dari masa ke semasa, dan jika difikirkan perlu, perbelanjaan untuk iklan yang berkenaan akan ditambah.

TABUNG SUKAN

6. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan samada Kerajaan akan menimbang menubuhkan Tabung Sukan Kebangsaan untuk meninggi dan menggalakkan sukan untuk membolehkan ahli-ahli sukan yang berbakat menerima bayaran semasa berlatih tanpa menghadapi kerunsingan kerana mencari nafkah hidup.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedang menimbang bagi menubuhkan sebuah Tabung Sukan untuk meninggi dan menggalakkan sukan negara ini dan di samping itu juga untuk menjamin supaya olahragawan-olahragawati boleh mendapat latihan-latihan yang diperlukan untuk bertanding dalam pertandingan-pertandingan sukan yang berkenaan. Butir-butir berkenaan dengan perkara ini akan diumumkan oleh Kementerian saya kelak.

FILEM KELAKAR INGGERIS DAN FILEM MELAYU DI TV

7. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) Adakah pihak Kementerian sedar dalam tayangan TV Malaysia sekarang ini tayangan kelakar digunakan dalam bahasa Inggeris, dan ini menjemukan bagi orang-orang di luar bandar. Jika sedar tidakkah rancangan ini akan dialih-bahasa ke Bahasa Malaysia; dan
- (b) Adakah Kementerian yang berkenaan sedar bahawa masa tayangan gambar Melayu sekarang ini kerap kali digantikan dengan gambar lain. Jika sedar, tidakkah Kementerian bercadang menetapkan masa tersebut pasti untuk gambar Melayu Bahasa Malaysia sahaja.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengalih bahasa kelakar Inggeris ke Bahasa Malaysia dari segi teknikalnya sukar dilaksanakan dengan sempurna kerana latarbelakang masyarakat barat berbeza dengan kebudayaan kita. Jika dibuat juga mungkin lebih mengelirukan lagi.

Walau macamanapun, filem-filem kelakar asing ini ada sarikatanya untuk difahami.

- (b) Pada masa ini kita kekurangan filem-filem Melayu untuk mengisi ruangan siarannya pada tiap-tiap minggu. Keluaran filem-filem Melayu yang terbaru tidak dapat diperolehi oleh RTM untuk siaran di TV.

PEMBINAAN SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN

8. **Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa memandangkan Integriti penduduk yang berbilang bangsa adalah kunci perpaduan samada Kerajaan akan menimbangkan bahawa bangunan-bangunan sekolah baru yang menggunakan berbagai bahasa tidak digalakkan lagi untuk dibina, bagi menyelamatkan perbelanjaan negara, yang akan dapat dibelanjakan bagi membesarkan sekolah-sekolah yang sedia ada yang cukup dengan alatannya di samping mencapai matlamat menyatupadukan murid dari berbagai bangsa di bawah satu bumbung yang sama dengan bahasa ibundanya diajar di sekolah itu.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya dapati soalan ini kurang jelas. Sekiranya apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah mengenai pembinaan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan yang baru, maka sekolah-sekolah tersebut akan dibina mengikut keperluan di sesebuah kawasan yang berkenaan.

RUMAH MURAH

9. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Perumahan dan Kemaajuan Perkampungan menyatakan:

- (a) Berapa buah rumah murah yang telah didirikan oleh Kerajaan selepas setahun Rancangan Malaysia Ketiga dilancarkan;
- (b) Apakah jaminan-jaminan yang telah diberikan oleh pemaju-pemaju perumahan swasta untuk membina lebih banyak lagi rumah murah dan bagaimana Kerajaan dapat menolong pemaju-pemaju ini untuk mencapai matlamat ini; dan

- (c) Apakah garis panduan yang telah disusun oleh Kerajaan bagi menjamin supaya pemberian rumah-rumah ini dijalankan dengan adilnya.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemaajuan Perkampungan (Datuk Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu tersedia maklum, Rancangan Malaysia Ketiga telah diluluskan dalam bulan Julai 1976. Dari itu adalah terlalu awal untuk membuat telahan bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu buat masa ini.
- (b) Tidak ada jaminan yang telah diberikan oleh pemaju-pemaju perumahan swasta keseluruhannya untuk membina lebih banyak lagi rumah kos rendah. Namun demikian, sebagai menyahut seruan Allahyarham Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dahulu, pihak Persatuan Pemaju-pemaju Perumahan Malaysia telah sanggup memberi kerjasama kepada pihak Kerajaan serta membantu, di mana yang boleh, bagi menyediakan rumah-rumah dari jenis yang dapat menampung kehendak-kehendak golongan berpendapatan rendah.

Kementerian saya telah mengadakan aturcara bagi pihak ahli-ahli Persatuan dan pemaju-pemaju perumahan swasta yang lain untuk berbincang dari masa ke semasa bagi mengatasi masalah-masalah mereka terhadap syarat-syarat serta peraturan-peraturan Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju-pemaju Perumahan, 1966 dan yang dikenakan oleh badan-badan berkuasa tertentu yang lain.

- (c) Garis panduan yang telah digunakan adalah seperti peraturan yang dikenakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan Dewan Bandaraya mengenai perumahan awam kos rendah.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri samada beliau sedar bahawa kekurangan rumah harga rendah di bandar Kuala Lumpur amat serius dan sekiranya beliau sedar samada Kerajaan akan mengarahkan

Dewan Bandaraya melancarkan satu rancangan kilat untuk membina lebih banyak rumah murah di bandar Kuala Lumpur.

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar dan satu pilot project (rancangan perintis) yang mana telah diadakan di Batu 3½, Jalan Cheras yang dibina oleh Dewan Bandaraya joint venture dengan pemaju-pemaju perumahan. Kalau rancangan itu berjaya mudah-mudahan kita akan adakan lebih banyak lagi rumah-rumah kos rendah seperti di Batu 3½, Jalan Cheras itu.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri juga samada Kerajaan ada berpuas hati dengan usaha pihak pemaju rumah swasta untuk membina lebih banyak rumah-rumah harga rendah untuk memenuhi kehendak rakyat yang miskin, jika tidak apakah langkah yang berkesan yang perlu yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah menjawab tadi itu rancangan perintis. Jadi tidak boleh hendak sebut puas hati atau tidak puas hati. Kalau rancangan itu berjaya kita akan membina banyak lagi. Jadi tidak boleh saya hendak jelaskan di sini. Saya tidak boleh hendak menyatakan samada puas hati atau tidak puas hati. Jadi, saya minta kerjasama daripada Yang Berhormat kalau ada pemaju-pemaju perumahan yang lain supaya mereka itu mengambil bahagian lebih lagi, sebab saya nyatakan dalam jawapan saya tadi banyak—bukan keseluruhan, pemaju-pemaju perumahan yang membuat rancangan rumah kos rendah.

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukur: Tuan Yang di-Pertua, dalam menjawab soalan (c) tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ada menyatakan secara kasar garis-garis panduan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menyatakan garis-garis panduan yang lebih detail lagi dalam pertanyaan (c) soalan ini.

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, garis panduan pembahagian rumah-rumah di bawah Rancangan Perumahan Awam yang disediakan oleh Kementerian

saya adalah membayangkan dasar Kerajaan bagi mengatasi masalah kekurangan perumahan di kalangan golongan berpendapatan rendah keseluruhnya. Garis panduan itu memerlukan penyesuaian mengikut sesuatu keadaan di satu-satu negeri dan daerah serta juga bagi memastikan tujuan Dasar Ekonomi Baru terlaksana. Oleh sebab itu, Kerajaan-kerajaan Negeri serta Dewan Bandaraya dibenarkan mengubahsuaikan garis panduan tersebut dengan pindaan masing-masing menurut keadaan tempatan. Sistem ini memberi pertimbangan ke atas perkara-perkara seperti berikut:

- (i) Pendapatan sekeluarga pemohon;
- (ii) Pemilikan rumah atau tanah oleh pemohon;
- (iii) Jenis kerja pemohon;
- (iv) Besarnya bilangan dan keadaan keluarga pemohon;
- (v) Keupayaan pemohon untuk membayar balik;
- (vi) Tujuan menyusun semula masyarakat demi kepentingan perpaduan dan keselamatan negara;
- (vii) Lamanya pemohon tinggal di kawasan projek perumahan tersebut;
- (viii) Lain-lain hal yang perlu ditimbang oleh Kerajaan Negeri atau Dewan Bandaraya atau agensi-agensi perlaksanaan, menurut sesuatu keadaan tempatan.

LATIHAN PERTANIAN DI SARAWAK

10. Tuan Sibat Miyut anak Tagong minta Menteri Pertanian menyatakan apakah bantuan yang akan diberikan kepada petani serta peladang luar bandar untuk memodenkan ladang-ladang mereka dan menjadikannya sebagai suatu usaha perdagangan yang menguntungkan oleh kerana kebanyakan petani serta peladang luar bandar di Sarawak masih lagi mengamalkan penanaman berpindah.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, di antara beberapa langkah yang sedang dan akan terus diambil untuk memodenkan sektor pertanian di Sarawak ialah mengadakan program latihan pertanian tentang cara pertanian dan pengurusan ladang yang betul dan mengadakan sekim-sekim subsidi pertanian sebagai langkah

mengurangkan amalan penanaman yang berpindah-pindah. Kerajaan menggalakkan petani-petani dan peladang mengambil bahagian di dalam skim subsidi di samping membuka tanah untuk persawahan. Tetapi bagi peladang dan petani yang lebih bergantung kepada padi huma kerana kekurangan tanah rata, Kerajaan berusaha menambahkan pengeluaran mereka dengan memberikan 50% subsidi untuk baja.

FELDA—RANCANGAN TANAH DI KEMAHANG

11. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah Kementerian beliau bercadang hendak membuka lebih banyak lagi rancangan-rancangan tanah di Kelantan sama seperti rancangan tanah FELDA di Kemahang, dan jika ya, di mana dan bila.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Rancangan Kemahang, FELDA juga sedang membuat persiapan untuk membuka rancangan-rancangan di kawasan Ulu Kelantan. Perancangan pembukaan rancangan-rancangan tersebut sedang diuruskan dan kerja-kerja pembangunan akan dimulakan setelah soal mengenai keselamatan dan kadar pembayaran balik oleh peneroka-peneroka diselesaikan.

LESEN TEKSI/KERETA SEWA

12. Datuk Albert Mah bertanya kepada Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam bilangan lesen-lesen teksi dikeluarkan di dalam Pulau Pinang bagi 1976 (sampai hari ini) dan di bawah asas-asas manakah lesen-lesen itu dikeluarkan.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, jumlah teksi/kereta sewa yang telah dikeluarkan di dalam Negeri Pulau Pinang di antara 1hb Januari, 1976 hingga 30hb September, 1976 ialah sebanyak 9 lesen. Pengeluaran 9 buah lesen ini ialah hasil hari rayuan atau appeal di bawah Seksyen 129 Ordinan Lalulintas, 1958 yang diterima dari pemohon-pemohon yang tidak berjaya dalam temuduga mengisi kekosongan-kekosongan yang diistiharkan bagi tahun 1975.

Datuk Albert Mah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan membuat tambahan bilangan lesen teksi yang ada sekarang?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan tambahan Ahli Yang Berhormat, izinkan saya menerangkan bahawa tempat kekosongan ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan selepas rundingan yang sedalam-dalamnya dengan pihak Negeri dan di Kuala Lumpur dengan Bandaraya. Misalnya bagi Pulau Pinang untuk tahun 1975, 41 kekosongan diistiharkan. Akan tetapi yang memohon ialah 1,128. Jadi kalau pihak Negeri berasa bahawa kekosongan tidak mencukupi dan mencadangkan bahawa angka ini ditambah, Jabatan Pengangkutan Jalan tentu akan memberi pertimbangan yang berat.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah beliau mengetahui di bawah asas-asas manakah lesen itu dikeluarkan? Jika sedar, harap nyatakan asas-asas itu.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, asas-asas itu telahpun ditetapkan. Lesen ini dikeluarkan kepada:

- (i) Pemohon-pemohon yang bermastautin di pengkalan.
- (ii) Pemohon-pemohon bekas perajurit dan bekas polis dan pemandu-pemandu teksi/kereta sewa yang menyewa teksi/kereta sewa.

Biasanya permohonan-permohonan diproses oleh Lembaga Pelesenan dan yang tidak berjaya berhak merayu kepada Yang Berhormat Menteri ada kuasa di bawah seksyen yang saya telah sebutkan untuk menimbang-nantikan dan memutuskan tentang rayuan tersebut.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan mengatakan bahawa jika syarat-syarat atas asas-asas yang disebutkan tadi dipenuhi, bolehkah Kementerian beliau menimbang untuk mengeluarkan lesen teksi sungguhpun laporan yang diberi oleh Kerajaan Negeri mengatakan tiada kosong.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh ada sedikit kurang

faham apa yang saya jelaskan tadi. Mengikut procedure yang ditetapkan, pihak Negeri membuat satu cadangan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan dan kalau pihak Negeri itu membuat satu cadangan untuk menambah, kita boleh memberi pertimbangan yang berat kepada cadangan itu. Jadi selepas angka kekosongan ditetapkan, ia akan diistiharkan, diiklankan dan permohonan-permohonan diterima dan selepas satu tarikh yang tertentu permohonan-permohonan tambahan tidak lagi diterima sehingga satu tarikh yang akan diumumkan.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri yang berkenaan menerangkan iaitu pemberian lesen teksi ini berasaskan kepada beberapa bahagian untuk diberi kepada golongan yang tertentu, seperti bekas tentera, orang yang berpengkalan, menyewa dan sebagainya, dapatkah Timbalan Menteri menerangkan kadar peratus pembahagian lesen-lesen teksi ini kepada orang-orang yang tertentu atau kepada orang-orang yang ditetapkan. Misalnya, berapa peratuskah peruntukan itu ditentukan kepada bekas tentera, orang yang menyewa teksi dan sebagainya. Bolehkah diterangkan di dalam Dewan ini?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat sukarlah bagi Kementerian saya menjawab soalan itu. Sebab selain daripada permohonan-permohonan dari bekas perajurit dan pemohon-pemohon yang memandu teksi, Kementerian kita mahu menjaga keseimbangan mengikut bangsa dalam negara kita. Jadi walau bagaimanapun Kementerian saya cuba mengikut prinsip-prinsip keadilan dalam pengeluaran lesen tersebut.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya: Asas-asas yang diletakkan oleh Menteri itu memang baik. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar, bahawa asas-asas yang ditetapkan itu kurang dipatuhi oleh Jabatan yang berkenaan dan ini telah menyusahkan Wakil Rakyat. Mereka ini komplek mengatakan orang ini masa kempen, masa pilihanraya dahulu tidak menyokong Kerajaan, orang ini anti-Kerajaan, tetapi orang ini yang dapat. Ada juga komplek orang daripada tempat lain menggunakan alamat di tempat pengkalan itu dan mendapat lesen teksi. Perkara ini mungkin di

pandang oleh Kerajaan remeh tetapi membebankan tanggungan Wakil Rakyat. Jadi soalan saya, adakah pihak Kementerian ini bersedia sebelum mengeluarkan sesuatu lesen kepada sesuatu tempat itu pemohon ini terlebih dahulu hendaklah mendapat sokongan daripada Wakil Rakyat Negeri dan Wakil Rakyat Parlimen menentukan bahawa orang dalam kawasan mereka itu yang patut dapat, tentu dapat dan yang tak patut dapat itu, tak boleh diberi.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian boleh memberi pertimbangan kepada cadangan Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Permatang Pauh, yang akhir.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa pihak Negeri akan menentukan kekosongan. Soalan saya, jika pihak negeri oleh sebab-sebab tertentu tidak mahu menambah kekosongan, sungguhpun keperluan kenderaan awam begitu besar. Misalnya, setengah-setengah tempat sampai dua tiga jam kena tunggu. Adakah Kementerian beliau sanggup menerima permintaan ini?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, sejak saya ditugaskan dalam Kementerian ini dan bertanggungjawab menjawab soalan-soalan di Dewan Rakyat ini, saya telah banyak disoal oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini.

Jadi, kalau saya diizinkan bercakap sedikit berani pada hari ini, saya hendak berkata bahawa nampaknya kekosongan yang diiklankan pada masa yang lampau barangkali tidak mencukupi. Kementerian saya baru-baru ini telah mengadakan satu persidangan di mana R.I.M.V. dari seluruh Semenanjung Malaysia telah menghadiri dan saya sendiri telah menasihatkan dan mencadangkan kalau patut angka-angka itu ditambah. Jadi, perkara ini sekarang dalam pertimbangan oleh pihak Negeri dan Jabatan Pengangkutan Jalan dan saya lihat kalau kekosongan boleh ditambah, saya ingat banyak kesulitan boleh dikurangkan. Sebab seperti saya katakan tadi, misalnya, di Pulau Pinang. Kekosongan 41. Yang memohon melebihi 1,000. Keadaan seperti itu pun berlaku di

Kuala Lumpur, tetapi perkara ini telah diberi pertimbangan yang berat, Tuan Yang di-Pertua, dan saya memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa saya sendiri akan mengkaji perkara ini dengan telitinya.

HOSPITAL BATU GAJAH—WANG PERTARUHAN

13. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar pihak Hospital Batu Gajah telah menaikkan wang pertaruhan dari \$5 kepada \$20 untuk pesakit-pesakit di Kelas Tiga dan untuk perempuan-perempuan hamil bayaran bersalin telah dinaikkan dari \$20 hingga \$50, jika ya, nyatakan samada Kerajaan bercadang menurunkan kadar pembayaran itu demi kepentingan penduduk-penduduk miskin.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa semua hospital termasuk juga Hospital Batu Gajah telah menaikkan wang pertaruhan. Ini adalah berikutan dengan pelaksanaan Perintah Bayaran (Perubatan) 1976 yang bermula 1hb Januari tahun ini. Walau bagaimanapun, suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa bayaran pertaruhan bagi perempuan-perempuan yang dimasukkan ke Ward Kelas IIIA bersalin ialah \$30 bukannya \$50 seperti yang disebut oleh Yang Berhormat itu. Bagi makluman Yang Berhormat juga, mereka yang disahkan miskin oleh Pegawai Perubatan yang berkenaan, bukan sahaja tidak dikenakan wang pertaruhan tetapi adalah dikecualikan juga dari bayaran apa-apa caj sekali pun.

GURU BESAR SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANSAAN CHINA, BUKIT TINGGI, BENTONG

14. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar Guru Besar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China, Bukit Tinggi, Bentong, telah digantikan oleh seorang guru besar yang menjadi anggota M.C.A., apabila guru besar dahulu itu menyertai Gerakan dan beliau ini enggan ditukarkan dan akibat itu sekolah tersebut mempunyai dua orang guru besar; jika sedar nyatakan tindakan yang telah diambil dalam perkara ini.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bekas Guru Besar S.R.J.K. (China) Bukit Tinggi, Bentong telah ditukarkan ke S.R.J.K. (China) Kee Wah, Nenasi, Pekan sebagai seorang Guru Besar semata-mata kerana kepentingan-kepentingan perkhidmatan dan bukannya kerana sebab-sebab politik. Walau bagaimanapun, Guru Besar ini telah merayu supaya ianya dibenarkan tinggal sementara di Bukit Tinggi dengan alasan bahawa ia memerlukan rawatan di rumah sakit yang segera dan hal ini telah disokong oleh Pakar Perubatan Penyakit Kanser di Rumah Sakit Umum, Kuala Lumpur.

Oleh sebab-sebab kesihatan, ia telah dibenarkan tinggal di S.R.J.K. (China) Bukit Tinggi, Bentong sebagai seorang Guru Biasa (Supernumerary) supaya ia boleh menerima rawatan segera di Rumah Sakit Umum, Kuala Lumpur oleh seorang Pakar Kanser.

Sebaik sahaja ia diberi akuan bahawa ia boleh bertugas semula maka ia akan ditukarkan keluar daripada S.R.J.K. (China) Bukit Tinggi, Bentong.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1977

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (4hb November, 1976).

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1977

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang dikemukakan oleh Menteri Kewangan ini dirujuk kepada Jawatankuasa se-buah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$4,694,337,589 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1977, dan bagi maksud kepala dan

pecahan-pecahan kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1977 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 39 tahun 1976, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan lima dan enam senarai tersebut. (4hb November, 1976).

3.08 ptg.

Tuan Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang berjumlah hampir \$11,000 juta dalam Dewan ini. Daripada apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat Menteri itu nyatalah bahawa walaupun ucapan beliau kali yang pertama sebagai Menteri Kewangan tetapi datangnya daripada hati yang benar-benar insaf dan sedar bahawa Belanjawan tahun hadapan adalah dititik-beratkan kepada memberi kesenangan atau lebih kemewahan kepada rakyat yang berpendapatan rendah.

Walaupun negara kita baharu terlepas daripada inflasi dan stagflasi, tetapi oleh sebab hasrat Kerajaan kita hendak memberi atau menolong rakyat yang berpendapatan rendah lebih kepada kesenangan, maka nyata sekali Yang Berhormat Menteri Kewangan itu telah mengemukakan suatu Belanjawan yang sangat berpatutan dan berani membuat perubahan-perubahan. Saya kata beliau berani membuat perubahan-perubahan dipandang daripada cadangan-cadangan cukai walaupun begitu lama rakyat merayu meminta perubahan daripada cukai pendapatan perseorangan dari setahun ke setahun belum nampak perubahannya, tetapi pada tahun ini beliau berani memberi sedikit kepada rakyat walaupun tidak begitu besar dengan \$60 rebate dan \$30 kepada isteri tetapi ini merupakan suatu perubahan yang dibuat. Inilah saya katakan suatu perubahan yang berani kerana selama ini kita mendengar dalam Dewan ini tidak siapa berani menyebut bahawa cukai pendapatan itu hendak diubah, tetapi kali ini baharu kita mendengar seorang Menteri Kewangan yang cuba mengubah sedikit dasar pemotongan cukai pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, daripada ucapan beliau juga dapat kita fahaman iaitu Belanjawan ini dituju kepada tiga perkara yang besar. Pertama ialah untuk kekokohan ekonomi negara, yang kedua untuk mengelakkan daripada kenaikan harga barang.

Ketiga, untuk mencapai matlamat Rancangan Malaysia Ketiga yang telah dilancarkan itu.

Daripada tujuan untuk mengukuhkan ekonomi negara, di sini kita nampak bahawa Belanjawan tahun ini berlebihan \$55 juta walaupun kita berbelanja begitu banyak. Jadi di sini nyata sekali bahawa Kerajaan cukup berhati-hati walaupun hendak membelanjakan wang yang begitu banyak dan ini nyata sekali bahawa ekonomi negara kita amat kukuh dan baik sekali pada tahun hadapan, dengan pertumbuhan ekonomi lebih daripada 8% iaitu luar daripada jangkaan kita, yang kita jangka hanya mendapat 6% sahaja. Daripada kestabilan ekonomi ini patutlah kita mengucapkan setinggi terima kasih dan tahniah kepada pihak Kerajaan terutama Kementerian Kewangan dan pakar-pakar ekonomi yang saya rasa telah bekerja keras bagaimana hendak menstabilkan ekonomi negara kita berhubung dengan luar negeri, menghantar orang-orang kita terutama Menteri-menteri kita pergi meninjau, memujuk pelabur-pelabur asing dan menjaga eksport barang-barang kita sehingga kita dapat meningkat dan menjadi sebuah negara di Asia yang begitu kukuh ekonominya. Ini tidak lain daripada kerjasama yang diberi oleh pihak pakar-pakar ekonomi kita, pegawai-pegawai tinggi kita dan ini merupakan satu bakti yang besar kepada rakyat, kerana sekiranya negara tidak mempunyai ekonomi yang kukuh, maka harus keadaan perjalanan kewangan kita akan tidak dapat kita melihat seperti sekarang.

Ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan juga yang saya katakan tadi untuk memberi faedah kepada rakyat selain daripada menurunkan cukai pendapatan sedikit (rebate) bahawa satu faedah yang besar selain daripada itu ialah memberi pelepasan cukai kepada pesara-pesara. Ini boleh dikatakan satu kelegaan yang menunjukkan bahawa Kerajaan betul-betul menimbang bagaimana hendak melegakan rakyat yang begitu rendah pendapatannya daripada terkena lagi cukai. Dengan mengurangkan cukai kepada koperasi atau badan-badan perniagaan merupakan satu kelegaan juga. Jadi

ini menunjukkan bahawa Kerajaan kita bukanlah Kerajaan yang sentiasa memikirkan hanya untuk memungut wang ataupun seperti dasar capitalist seperti yang dikatakan oleh Ahli Pembangkang dari Kepong. Kalau Kerajaan kita berdasarkan capitalist maka harus tidak akan dapat kita melihat cukai-cukai diturunkan, cukai-cukai dilegakan dan tentu Kerajaan berkehendakan wang yang lebih banyak, tetapi daripada apa yang dikatakan dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan itu kita cuma ada lebih \$2 juta sahaja keuntungan tahun ini. \$2 juta bukanlah banyak. Kalau Kerajaan ini capitalist barangkali Kerajaan boleh mendapat lebih berpuluh-puluh juta ringgit bahkan beratus-ratus juta ringgit dengan menaikkan cukai-cukai. Tetapi di sinilah menunjukkan bahawa betapa adil dan timbang-rasa yang ditunjukkan oleh Kerajaan kita dalam janji-janjinya hendak memberi kelegaan kepada rakyat yang berpendapatan rendah terutamanya, dan sambil itu meletakkan sedikit beban kepada orang yang mewah, yang kaya, dengan mengenakan cukai yang lebih.

Dalam tujuan yang kedua ialah tentang menahan kenaikan harga barang. Ini boleh kita rasa bahawa selepas kita mengalami inflasi boleh dikatakan harga barang kita hari ini duduk dalam keadaan yang tetap. Tetapi Kerajaan harus berjaga-jaga lagi sebab masa kita melancarkan Rancangan Malaysia Ketiga beberapa bulan yang lalu sudah ada khabar-khabar angin pekedai-pekedai yang cuba menaikkan harga barang-barang untuk mencari keuntungan daripada wang yang berbelas-belas billion itu yang hendak digunakan dalam masa lima tahun Rancangan Malaysia Ketiga. Boleh jadi menjelang tahun 1977 juga pekedai-pekedai atau ahli perniagaan akan mencari lebih keuntungan daripada kenaikan cukai yang sedikit yang diberi oleh Kerajaan. Umpamanya, cukai transport, motosikal dan sebagainya, cukai barang-barang elektrik yang ringan itu untuk dijadikan sebagai satu dalih bahawa kami mengalami kerugian cukai lebih dan barang-barang yang lain juga turut dicukai. Jadi sesuai dengan janji Yang Berhormat Menteri Kewangan, itu hendaklah dikawal dengan rapi lagi dan pihak penguasa di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian betul-betul meletakkan pengawasannya itu dengan begitu ketat sekali supaya

jangan memberi peluang kepada pekedai-pekedai dan ahli perniagaan menaikkan harga barang sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, harga barang-barang yang dinaikkan oleh pekedai itu kadang-kadang tidak setahu Kerajaan, mengambil kesempatan secara persendirian. Kalau kita memikirkan mengapa pekedai-pekedai yang mendapat kemewahan daripada dasar Kerajaan ini yang begitu adil dan begitu saksama dengan memberi peluang samarata dan mereka mendapat kekayaan, tetapi apabila sampai satu-satu ketika setiap tahun mereka mengambil peluang menaikkan harga barang. Ini menunjukkan bahawa pekedai-pekedai dan ahli-ahli perniagaan tidak mempunyai satu dasar keinsafan, satu dasar semangat kenegaraan. Pada mereka hanya ada satu dasar untuk mendapat keuntungan yang lebih walaupun Kerajaan mendapat kesusahan dan rakyat menderita. Dasar Kerajaan ialah mengajak rakyat memahami dasar Kerajaan dengan melalui kursus sivik yang Kerajaan buat mengenai keselamatan, mengenai hal berkenaan keugamaan dan kemajuan rakyat di kampung sentiasa mendapat pengajaran sivik. Tetapi pihak peniaga atau pihak pekedai ini rasa saya mereka tidak pernah menerima pengajaran sivik bagaimana peranan seorang pekedai boleh menolong Kerajaan, selain daripada mendapat keuntungan yang sedikit dan tidak merugikan perniagaannya. Rasa saya harus tidak pernah diberi sivik. Di sini saya men cadangkan kepada pihak-pihak yang berkenaan dan Kerajaan patutlah memberi arahan kepada pekedai-pekedai ini dengan melalui Dewan-dewan Perniagaan mereka memberi kursus, atau mengajak mereka berhimpun, mengajak mereka berfikir apakah peranan yang boleh dimainkan sebagai pekedai besar pekedai yang paling kecil bagi menolong Kerajaan bagi mengelakkan beban rakyat yang membeli barang mahal. Mereka tidak pernah menerima nasihat dan mereka dengan sewenangnyanya menaikkan harga barang, menyorokkan barang sehingga menyusahkan rakyat. Jangankan hendak menolong Kerajaan tetapi menyusahkan lagi. Jadi seolah-olah kehidupan antara pekedai, ahli perniagaan dengan Kerajaan terasing. Kalau kita nampak sekali-kali seolah-olah pekedai di negeri ini bukan rakyat negeri ini lagi, seolah-olah mereka rakyat asing yang tidak ambil tahu hal Kerajaan dan tidak

tahu kesah rakyat yang susah, tetapi semata-mata mengambil peluang. Apa yang Kerajaan buat, mereka cuba lagi menyusahkan Kerajaan dengan membuat sebaliknya. Saya rasa ini satu peranan yang tidak baik, jadi Kerajaan haruslah memikirkan di masa akan datang dari semasa ke semasa melalui badan-badan perniagaan, melalui persatuan-persatuan peniaga transport, peniaga basikal, penjual sayur dan macam-macam perniagaan adakan kursus sivik kepada mereka, panggil ahli-ahli politik kalau orang China barangkali ahli politik China, ahli-ahli masyarakat, ketua-ketua, bercakap kepada mereka apakah peranan mereka dalam negara ini sebagai seorang ahli perniagaan. Adakah mereka semata-mata hendak berlawanan dengan Kerajaan dengan menaikkan harga barang? Adakah semata-mata mereka mencari keuntungan besar dengan tak peduli orang lain. Inilah saya mencadangkan supaya Kerajaan mengambil berat dalam perkara ini. Selama ini orang kampung, rakyat yang taat setia yang tidak berbelah bagi inilah yang dipantakkan telinganya supaya taat kepada Kerajaan dalam berbagai perkara tetapi pihak-pihak ahli perniagaan atau pekedai-pekedai ini kita tidak ambil berat sama sekali. Jadi saya rasa kalau kita membuat satu percubaan memberi mereka peringatan, memberi mereka pengertian selagi mereka mengakui negeri ini negeri mereka dan rakyat Malaysia yang taat setia, mereka mestilah memainkan peranan bersama-sama menolong Kerajaan mengurangkan beban rakyat bukan meletakkan beban yang berat lagi kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut daripada belanjawan yang dikemukakan ini nyata sekali bahawa Kerajaan benar-benar memberi kemudahan kepada rakyat kerana hampir-hampir separuh (50-60%) daripada perbelanjaannya akan dibelanjakan kepada tujuan sosial, pelajaran, kesihatan dan keselamatan negara. Ini semua berfaedah kepada rakyat seperti menambahkan hospital, menambah sekolah dan menambah kelengkapan senjata untuk menjaga keselamatan yang lebih rapi. Ini juga, satu jalan yang boleh menstabilkan pemerintahan Kerajaan kita dan dengan kestabilan itu maka matlamat hendak memperkukuh ekonomi akan berjaya, matlamat mengawal harga barang akan berjaya dan matlamat Rancangan Malaysia Ketiga akan berjaya.

Menyentuh berkenaan dengan keselamatan, Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan langkah Kerajaan yang semakin hari nampaknya semakin tegas. Bagaimana yang selalu dilafazkan oleh Perdana Menteri kita bahawa Kerajaan akan bertegas dan tidak bertolak ansur dengan kominis. Ini satu pengakuan yang sangat membanggakan dan menyenangkan hati rakyat menunjukkan bahawa Kerajaan benar-benar akan mengawal daripada anasir-anasir kominis. Dan kita boleh lihat sekarang, dengan adanya Akta Keselamatan Dalam Negeri, dengan adanya Akta Kuasa-kuasa Perlu Keselamatan yang baru diluluskan, sudah memberi kesan yang baik iaitu keganasan gangster berkurangan, pembunuhan dalam bandar atas pasukan keselamatan berkurangan, dan kejadian di sempadan pun semakin berkurangan. Ini rasa saya boleh jadi ada benarnya apa yang diakui oleh Menteri Keselamatan Dalam Negeri bahawa keselamatan kita dapat dikawal dan kominis dapat ditunduk dan anasir-anasir itu gerak-gerinya dapat dipatahkan.

Dalam pada itu, kita mengalu-alukan juga dasar Kerajaan yang dilafazkan oleh Timbalan Perdana Menteri hendak memagar sempadan Malaysia-Thai. Dan ini satu cara juga walaupun memakan belanja yang banyak untuk menjaga keselamatan negara kita. Selain daripada memagar, saya suka memberi pandangan iaitu ditepi sempadan itu tanah-tanahnya sangat banyak, tidak semuanya hutan itu bergaung yang tidak boleh diteroka. Ada baiknya selain daripada dipagar supaya hutan-hutan yang kosong itu diteroka dibuatkan rancangan-rancangan FELDA, di tempat-tempat yang strategi atau tempat-tempat yang baik dan diberikan kepada rakyat untuk menjadi perkampungan yang tidak lagi nampaknya hutan rimba dan kominis tidak boleh lagi menyembunyikan diri di sana dan rakyat mendapat faedah yang besar. Sekarang kita nampak bekas-bekas perajurit kita berkehendakkan tanah, dan beratus ribu lagi hendak masuk FELDA tetapi tak cukup tempat. Rasa saya ada baiknya tanah-tanah di sempadan yang begitu subur diteroka dan diberi kepada rakyat sebagai peneroka FELDA dan tempat itu pula akan aman damai dan rakyat mendapat faedah dan kemakmuran yang lebih.

Beralih kepada Akta Kuasa-kuasa Perlu Keselamatan tadi, saya suka menyebut bahawa kesan-kesan daripada Akta Kuasa-kuasa Perlu Keselamatan sudah nampak

walaupun satu masa dahulu dalam Dewan ini telah dibantah oleh Pembangkang terutamanya Ahli Parlimen dari Kota Melaka. Kita ingat lagi waktu awal tahun dahulu, waktu Akta Kuasa-kuasa Perlu Keselamatan dikemukakan dalam Dewan ini maka wakil itu sendiri membantah Akta tersebut dan menuduh Kerajaan tidak adil, Kerajaan hendak menangkap sewenang-wenangnya, tetapi bagi kita, inilah satu cara Kerajaan dapat memberkas orang-orang yang mengancam keselamatan negara. Sekarang baru timbul mengapa ia membantah dengan kuat, rupanya di dalam partinya sendiri ada anasir-anasir ini yang mereka cuba hendak sembunyikan dan kalau Kerajaan menangkap maka dituduhnya tidak adil. Dia berpura-pura kononnya Kerajaan kita sahaja yang ada menyimpan kominis, tetapi dalam parti mereka sendiripun ada anasir-anasir subversif yang mereka cuba hendak selindungi, sebab itulah mereka membantah Akta Kuasa-kuasa Perlu Keselamatan itu yang boleh memperkuat lagi Kerajaan dari segi menjaga keselamatan, memberkas anasir-anasir kominis itu.

Saya telah bercakap pada masa itu bahawa Akta Kuasa-kuasa Perlu Keselamatan sangat penting dan Kerajaan tidak melanggar dasar demokrasi. Saya tunjukkan kepada wakil Kota Melaka itu sendiri bahawa beliau boleh bercakap dalam Parlimen ini dengan sesuka hatinya kerana adanya demokrasi Kerajaan, tetapi siapa juga yang mengancam keselamatan negara, mereka keluar daripada Parlimen ini, Kerajaan akan tangkap. Maka sekarang nampak buktinya bahawa dalam parti mereka sendiri ada anasir-anasir itu. Dan kita patut berterima kasih kepada Kerajaan yang telah begitu tegas menjalankan dasar ini dan rakyat memberikan sokongan yang kuat kepada Kerajaan atas ketegasan itu. Selepas penangkapan ini dilakukan satu-dua hari ini, saya ada berjumpa dengan seorang rakyat biasa, seorang foreman yang mengetuk besi dengan tak sengaja mulutnya berkata:

“Bagus Kerajaan sekarang menangkap orang-orang jahat. Inilah yang rakyat mahu. Inilah yang rakyat suka dan rakyat akan memberi seratus-seratus sokongan kepada Kerajaan sekarang.” Sokongan ini dilafazkan oleh seorang foreman yang sedang mengeluk besi, bukan dari anggota Kerajaan yang memuji Kerajaan, bukan daripada pegawai Kerajaan, bukan daripada orang besar, orang kaya, tetapi rakyat sendiri sudah

dapat memahami bahawa ketegasan Kerajaan sekarang adalah sepatutnya diberi sokongan yang paling kuat dan Kerajaan boleh diberi jaminan bahawa setiap rakyat berdiri di belakang Kerajaan atas ketegasannya. Dan jangan lupa bahawa saya percaya bukan itu sahaja yang menjadi anasir-anasir kominis dan subversif. Banyak lagi, bahkan kita tak tahu dalam parti mana lagi. Kerajaan, kalau boleh, jangan berhenti menyiasat, mengintip sesiapa yang cuba hendak menjatuhkan Kerajaan dengan berpakat menjadi anasir subversif atau kominis.

Selain dari berterang-terang semacam itu, mereka bertindak dengan cara anasir kominis, Kerajaan patut siasat juga dalam Kerajaan, pegawai-pegawai Kerajaan yang membocorkan rahsia Kerajaan kepada Pembangkang yang kononnya untuk hendak menjatuhkan imej. Inipun boleh dianggap sebagai satu anasir subversif atau anasir kominis juga. Apa faedahnya mereka berbuat demikian. Mereka makan gaji dengan Kerajaan, Kerajaan suap mulutnya, mereka bersubahat dengan Pembangkang memberi butir-butir yang palsu kepada Pembangkang untuk dibawa ke dalam Dewan ini supaya Kerajaan malu atau jatuh imejnya. Orang inilah yang boleh dianggap lebih besar bahayanya daripada kominis yang menembak kita dalam hutan dan orang ini patut disiasat, ditangkap dihukum jangan diberi peluang membuat hal-hal yang seumpama itu, kerana daripada pertanyaan Pembangkang dari Kota Melaka dapat kita mengerti, beliau mengetahui butir-butir rahsia-rahsia Kerajaan daripada orang Kerajaan sendiri, kalau tidak mereka tidak akan dapat. Kita bukan marah orang membangkang Kerajaan, tetapi perkara tidak puas hati dengan sebab ada kepentingan diri, boleh jadi tender-tender pihak mereka tidak dapat, mereka marah kepada pihak lain, beri rahsianya kepada Pembangkang. Jadi, inipun satu perkara yang merbahaya juga kalau sekiranya Kerajaan membiarkan pegawai-pegawai yang seumpama itu duduk dalam Kerajaan kita, apa lagi dalam Kementerian Pertahanan. Itu hanya rahsia tender, satu masa barangkali rahsia senjata, rahsia pertahanan, rahsia peperangan kita, kekuatan kitapun dibocorkannya kepada Pembangkang. Jadi, langkah-langkah yang tegas tentang keselamatan ini patutlah dilebih hati-hati lagi oleh Kerajaan dan lebih tegas lagi daripada apa yang telah dijalankan sekarang.

Saya rasa satu perkara yang tidak asing juga daripada anasir komunis ialah orang-orang yang cuba melakukan rasuah dalam Kerajaan kita sekarang. Dahulu awal tahun yang lepas saya telah bercakap meminta Kerajaan siasat RISDA. Terima kasih kepada Kementerian Perusahaan Utama yang telah mengambil tindakan dan B.S.N. yang telah dapat menangkap berbelas-belas orang daripada RISDA yang curang dengan wang-wang Kerajaan berbelas-belas juta ringgit. Saya rasa bukan itu sahaja, banyak lagi, bukan di Johor sahaja, boleh jadi di Perak, Pahang ada berlaku lagi seumpama ini. Kalau Kerajaan tidak mahu bertolak ansur dengan komunis maka janganlah bertolak ansur dengan orang-orang yang rasuah dalam Kerajaan ini, walau dia saudara kita, walau dia sahabat handai kita, walau dia berapa besar jawatan, mestilah diambil tindakan oleh Kerajaan. Apa yang dibuat ini ialah melibatkan berjuta wang rakyat, orang kampung yang tidak tahu hal pentadbiran Kerajaan, yang setengahnya itu tidak dapat memahami kertas baucer itu dengan lebih baik oleh sebab mereka tidak berpelajaran tinggi, mereka ini menjadi mangsa penipuan, ditipu oleh pegawai-pegawai yang berpelajaran tinggi dalam Kerajaan. Bagaimana kita hendak meletakkan amanah dan kepercayaan kita yang lebih besar kalau sekiranya masalah itu sahaja masalah dengan orang kampung telah curang. Jadi inilah yang menyebabkan bahawa kadang-kadang rancangan Kerajaan kita tempang. Kerajaan kita dituduhnya lambat bergerak. Tidak puas hati rakyat berbalik kepada Wakil Rakyat dalam pilihanraya. Tetapi yang merosakkan kita ini ialah orang-orang yang kita beri kepercayaan amanah jentera Kerajaan ini yang melakukan perkara-perkara yang curang seperti ini. Saya berserulah kepada pihak kakitangan Kerajaan mari kita bersama-sama dengan Kerajaan kita menunjukkan kepada rakyat bahawa kita orang yang memegang amanah, jentera amanah yang akan melaksanakan rancangan-rancangan dan menjalankan jentera-jentera Kerajaan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, hal lain saya suka menyentuh lagi berkenaan dengan sedikit masalah pelajaran iaitu pelajaran negara kita. Kita telah ada Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Kerajaan sedang mengkaji perlaksanaannya, tetapi yang kita pelek ialah di dalam masa Kerajaan melancarkan Dasar Pelajaran Kebangsaan kita, sudah baik ber-

jalan hampir 10 tahun lebih, dan sudah hendak sampai kepada matlamat kita tahun 1983 di mana semua pengajian tinggi berjalan dengan Bahasa Kebangsaan dan semua pemimpin mengakui bahawa Bahasa Kebangsaan menjadi alat perpaduan dan sekolah kita akan datang menjadi tempat di mana anak-anak kita akan duduk memupuk perpaduan apabila dia menjadi orang muda 20 tahun atau 30 tahun akan datang. Tetapi ada pula orang-orang yang cuba menyuarakan Dasar Pelajaran Liberal, hendak Liberal macam mana? Kalau pemimpin sendiri tidak percaya kepada Dasar Pelajaran Kebangsaan apa lagi orang lain. Mengapa kita dalam masa hendak memupuk perpaduan, dalam masa itu juga suara lain pula menyuarakan satu dasar pelajaran liberal. Kalau orang hendak memerhatikan sejarah negara kita bahawa Dasar Pelajaran Liberal yang dilaung-laung inilah satu sebab yang mencetuskan 13 Mei. Kita ingat sebelum 13 Mei Dasar Pelajaran Liberal yang dilaung-laungkan itulah yang menyebabkan rakyat tidak puashati dan telah mencetuskan 13 Mei. Apa kita mahu 13 Mei lagi sekali, dengan sebab kita mengalih dasar pelajaran kita dan rakyat tidak puas hati. Saya harap pemimpin-pemimpin kita terutama sekali ketua-ketua kaum akan berhati-hati menjalankan dasar ini. Dasar nasional yang sudah termaktub yang telah diterima oleh kita sebagai cara berfikir rakyat Malaysia dan kita ingin melihat anak kita akan datang merupakan satu jenerasi baru, janganlah kita cuba hendak mengalih haluan ini semula semata-mata dengan sebab kepentingan diri kita atau kepentingan masyarakat kita sahaja. Kita harus memandang masyarakat bangsa Malaysia seluruhnya.

Selain daripada itu, saya harap Kerajaan beri perhatian yang berat dalam memperbaiki moral anak-anak kita sebagaimana yang kita tahu kebanyakan anak-anak kita, rosak moral oleh sebab kurang pelajaran agama. Kita tidak menafikan bahawa dalam sekolah kita ada pelajaran agama sebagai satu mata pelajaran, tetapi apa yang saya hendak syorkan ialah supaya anak-anak kita terutama sekali murid-murid di peringkat menengah selain daripada mereka mendapat pelajaran agama dalam darjah itu diberi pula ceramah atau civik agama, adakan dua minggu sekali ataupun sebulan sekali murid-murid itu menghadiri satu sivik

di sekolahnya yang diberi oleh pendakwah-pendakwah kita, terutama sekali jurusan Islam. Jadi biar Badan Dakwah ini menghantar pendakwah memberi ceramah kepada anak-anak kita di sekolah luar daripada masa belajar, umpamanya, di sebelah petang atau waktu hari Minggu. Kalau dapat sebulan sekali dalam sebuah sekolah peringkat Form V atau VI, saya rasa murid ini dapat juga memahami sedikit-tidaknyanya semangat Islam dari penceramah-penceramah itu tadi. Kebanyakan kita memberi dakwah kepada orang-orang tua yang berserban yang telah beberapa kali naik Haji, yang telah tahu hukum ugama, yang sembahyangnya cukup taat, orang ini juga yang dengar dakwah berbalik-balik. Kalau kita pergi ke mesjid-mesjid mendengar dakwah, orang itu juga yang datang, tetapi anak-anak muda remaja yang kurang pendidikan ugama sangat kurang mendapat ceramah-ceramah. Jadi saya mengesyorkan pihak pendakwah samada daripada Kementerian Pelajaran sendiri melalui bahagian ugamanya ataupun Instituti Dakwah ataupun daripada Majlis Ugama Islam Jabatan Perdana Menteri menghantar orang-orang mereka itu ke sekolah menengah sebulan sekali membuat ceramah-ceramah kepada anak-anak kita untuk menambahkan semangat keislaman mereka dan ketinggian budi mereka. Dengan cara itu barangkali mereka lebih insaf dan dapat membaiki perlahan-lahan akhlaknyanya. Apa lagi dalam keadaan sekarang yang kebanyakan anak-anak sekolah terlibat dengan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit lagi berkenaan dengan tanah dan juga pertanian. Rancangan Malaysia Ketiga dilancar dan rakyat mempunyai satu harapan yang besar dan tinggi untuk mendapatkan kemewahan. Tetapi rakyat luar bandar selalu berkata bahawa apakah kemewahan yang kami akan dapat selain daripada infrastruktur atau kemudahan-kemudahan letrik, paip, jalanraya dan sebagainya. Pertambahan hasil tidak ada. Sebab kalau kita pandang dalam Rancangan Malaysia Ketiga semuanya sekali pembangunan; sekolah, pertanian, kerjaraya dan lain-lain semuanya itu dibuat oleh kontraktor-kontraktor, dan kontraktor-kontraktor ini semuanya terdiri daripada orang-orang yang bukan bumiputra. Merekalah yang mendapat untung. Kalau sekiranya pembangunan itu berbelanja \$1,000 juta, kalau mereka boleh dapat 20%

daripada keuntungan itu bermakna mereka dapat tidak kurang daripada \$200 juta. Tetapi orang kampung apa yang dapat, kerana mereka semata-mata mengharapkan tanah. Kerajaan ada memberi tanah, bukan tidak beri tanah; tanah perkampungan. Selain daripada yang masuk FELDA, ada tanah-tanah yang diberi sebagai tambahan enam ekar atau empat ekar seorang, keadaan ini terjadi di negeri-negeri. Kadangkala sampai satu kelompok itu 1,000 atau dekat 2,000 ekar pun ada. Tetapi malangnya pemunya tanah ini tidak dapat mengerjakan tanah itu. Inilah satu kekurangan. Dibiarkan menjadi rimba dan hutan balik. Kalau kita siasat barangkali tidak tahu berapa ratus ribu ekar yang ada seperti ini yang kita berikan kepada orang kampung, tetapi orang kampung tidak dapat kerjakan. Tetapi kalau dibuka permohonan tanah berebut-rebut minta. Tetapi apabila diberi empat atau enam ekar tidak boleh dikerjakannya. Hasilnya tidak dapat. Jadi apa maknanya ini? Kerana mereka tidak ada mempunyai kemampuan, tidak ada wang hendak beli trektor. Setengah tanah yang diberi itu secara kelompok atau perseorangan itu diserahkan sendiri mengerjakannya. Jadi kalau si A ada wang dia boleh buat. Tetapi si B tanah disempadannya tidak dikerjakan menjadi hutan. Apabila tanaman di tanah itu mengeluarkan hasil, babi daripada tanah hutan itu datang memakan tanaman itu. Jadi dia kata lebih baik tidak usah buat langsung. Jadi tanah itu ambil namanya sahaja ada enam ekar. Tetapi yang ditunjukkan dengan kita ialah hutan yang tidak dikerjakan sudah 10 tahun. Padahal 1,000 ekar itu kalau diterokakan sehingga dapat hasil mereka sendiri akan mewah. Di sini nampaknya kemampuan rakyat untuk mengerjakan tanah masing-masing, itulah yang kurang.

Saya suka mengesyor atau mencadangkan bahawa dalam mengerjakan tanah-tanah tambahan yang diberi kepada rakyat ini walaupun tiap-tiap seseorang ada enam ekar sebagai peserta hendaklah dijalankan atau diterokai secara koperasi atau beramai-ramai. Maknanya kalau 1,000 ekar untuk 200 orang peserta maka 200 orang itu merupakan ahli koperasi kepada tanah 1,000 ekar. Mereka berkongsi membayar belanja trektor untuk mengerjakan tanah 1,000 ekar dengan tidak mengira tanah siapa mereka belanja benih untuk 1,000 ekar, mereka membuat jalan untuk tanah itu, mereka

membeli baja untuk tanah itu bersama 200 orang dan hasilnya dapat dibahagikan bersama-sama. Tidak dibahagikan kepada satu orang sahaja. Jadi dalam masa yang serentak tanah 1,000 ekar itu dapat dibersihkan dan dikerjakan dan dapatlah hasil. Oleh sebab dengan cara kerjasama. Tidak peduli tanah siapa asalkan dalam kawasan 1,000 ekar mereka jadi ahli kepada koperasi itu dalam hal mengerjakan tanah. Kalau tanam pisang 1,000 ekar, tanam pisang semua. Kalau tanam kacang, tanam kacang sahaja dan hasil kacang, pisang, tebu, nenas atau kelapa sawit itu dapat dibahagikan sama rata kepada setiap ahli. Saya rasa dengan cara yang macam ini tanah yang kita beri sebagai tambahan kepada rakyat di kampung-kampung tidak boleh nampak hasilnya dan tidak boleh dikerjakan sebab mereka terasa beban itu tidak boleh dipikul oleh satu orang. Saya bercakap ini sebab saya nampak di kawasan saya sendiri mereka tidak mampu hendak kerjakan, kerana ada setengah-setengah tanah yang enam ekar tidak tahu ke mana pergi tuannya. Apabila dia kerja, babi dalam kawasan di sebelah itu pula datang memakan hasilnya. Dengan sebab itu dibiarkan menjadi hutan. Saya syorkan supaya dikerjakan secara koperatif. Dengan cara ini serentak tanah 1,000 ekar itu dikerjakan bersama dan ditanam serentak dan dikeluarkan hasilnya. Dan hasil itu dibahagi kalau dapat keuntungan \$1,000 umpamanya dapatlah sedikit seorang daripada 200 orang itu. Jadi dengan cara yang macam ini tanah yang kita beri kepada orang-orang kampung itu tidak terbiar seperti yang berlaku sekarang. Dan dengan cara seperti itu barulah datang persesuaian dengan Rancangan Malaysia Ketiga yang hendak memberi kemudahan kepada rakyat. Kerajaan harus memberi mereka kemudahan baja, kemudahan menyewa trektor, kemudahan taliairnya dan kemudahan-kemudahan lain supaya dapat dirasa oleh satu kampung yang mempunyai 200 orang yang dapat tanah itu.

Saya berharap pihak Kementerian Pertanian dapat kerjasama dengan pihak Kementerian Tanah dan juga Kerajaan Negeri supaya dapat menimbangkannya cara meneroka tanah tambahan kepada rakyat yang di kampung seperti yang saya syorkan tadi, iaitu dengan cara koperatif.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu berhubung dengan masalah dadah, saya suka hendak sentuh juga perkara ini yang

merupakan satu penyakit kepada negara sekarang. Kalau kita melihat daripada kenyataan Menteri Kebajikan Am tidak kurang daripada 130,000 lebih anak-anak kita terutama anak-anak muda kita yang terlibat dengan dadah. Nampaknya semakin banyak Kerajaan tangkap makin banyak yang hisap dadah. Tidak tahu apa sudah jadi. Nampaknya sudah terkeluar dari kawalan; sudah merebak betul dan sudah menjadi satu perkara lumayan untuk mendapat wang. Maknanya dengan mengedar dadah satu hari boleh dapat \$200-\$400. Kadang-kadang kalau polis tangkap, boleh pujuk, lepas. Di sini kalau kita lihat bahawa Akta atau Undang-undang kita barangkali ada yang belum ketat lagi. Umpamanya, apabila ditangkap penghisap dadah, bawa ke balai polis kemudian diberi jamin. Bapanya jamin \$1,000 keluar balik, dia hisap lagi dadah. Bila masanya hendak habis? Jadi kalau boleh perkara jenayah yang terlibat dengan dadah ini jadikan satu Akta baru oleh Kementerian Undang-undang bahawa mereka itu tidak boleh dijamin. Siapa yang ditangkap berkenaan dengan dadah mereka tidak boleh dijamin dan jangan beri dia keluar. Apabila dia keluar sudah tentu dia menjual dan mengedar lagi. Menunggu tarikh perbicaraan itu sahaja pun mereka boleh menjalankan berbagai-bagai aktiviti. Tetapi masalah yang ada depan kita sekarang bahawa undang-undang kita boleh dijamin, hatta \$2,000 hingga \$3,000 ibubapanya jamin. Anak itu keluar. Bukannya makin kurang, tetapi makin bertambah lagi. Sebab mereka itu bebas di luar.

Jadi, saya juga menyokong seperti rakan-rakan yang telah bercakap dalam perkara ini memperkuatkan supaya dijadikan satu Akta oleh Kementerian Undang-undang bagi orang yang terlibat dengan dadah walaupun penghisap, tidak boleh dijamin. Kadang-kadang bukti sudah nampak, tetapi tidak tahu macam mana undang-undang kita sehingga hendakkan bukti menghisap dadah ini bahawa benda itu dalam poketnya, baharu kita boleh tuduh. Kalau bawa berjumpa doktor, doktor kata memang dia penagih dadah, tidak payah ada bukti yang benda itu ada dalam poketnya; tidak payah ada dalam motokar, tidak payah ada pada basikalnya, tidak payah ada dalam beg, itu sudah sebagai satu bukti. Jadi, undang-undang yang lebih keras kepada pengedar yang kecil-kecil ini pun patut difikirkan oleh

Kementerian Undang-undang. Dan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat patut juga mengadakan rumah-rumah yang lebih banyak untuk menolong mereka ini dalam pemulihan dadah. Sekarang kita tengok sudah ada tiga empat buah rumah Pusat Pemulihan Dadah untuk mengawal 130,000 manusia yang terlibat, hampir-hampir satu perkara yang mustahil. Saya rasa Jabatan Kebajikan Masyarakat kenalah bekerja lebih keras lagi dalam perkara ini untuk menahan daripada merebaknya masalah dadah ini dalam negara kita ataupun memberi kawalan, memberi pemulihan yang lebih ketat, yang lebih rapi lagi daripada masa yang sudah-sudah.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya suka menyentuh berkenaan dengan cukai yang dinaikkan oleh Kerajaan, walaupun di waktu permulaan percakapan saya tadi, saya memuji Yang Berhormat Menteri Kewangan yang begitu insaf dan sedar untuk hendak menolong rakyat dalam melonggarkan sedikit cukai pendapatan, cukai koperasi, cukai pembangunan kepada peniaga-peniaga yang tidak dapat untung. Saya sependapat dengan rakan-rakan saya yang telah bercakap tentang cukai-cukai barang biasa yang digunakan oleh rakyat seperti motosikal dan barang-barang letrik. Saya sependapat dan menyokong, patut dikaji balik cukai-cukai yang seumpama ini. Rakyat jelata menganggap bahawa motosikal itu bukanlah satu alat mewah. Ini merupakan satu barang perlu sama seperti pakaian, permainan dan makanan, apa lagi kalau kita duduk di bandar yang sebok dengan serba serbinya dan tempat yang begitu jauh daripada kampung hendak pergi menoreh getah, mengangkut padi, menjual sayur dan hendak hantar anak ke sekolah. Orang kaya mereka tidak naik motosikal. Jadi, motosikal ini merupakan satu alat kemudahan yang patut dinikmati oleh setiap rakyat yang berpendapatan rendah, tiba-tiba kita menambahkan cukai walaupun cukai itu \$5. Saya mintalah perkara ini dikaji balik. Sebab, kalau diteliti daripada ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan mengenai motosikal ini, cukainya cuma bertambah \$2 juta, bukan banyak. Kalau ditarek semua pun kelebihan \$2 juta yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri, baharu seri, tidak merugikan Kerajaan. Dengan perubahan cukai ini, Kerajaan cuma dapat untung \$2 juta iaitu dapat pungut \$67 juta dan dilepaskan pula \$65

juta. Untungnya cuma \$2 juta. Kalau kita lepaskan pun cukai motor \$2 juta ini, Kerajaan tidak rugi, bahkan tidak terjejas ke-lebihan \$55 juta wang yang ada untuk perbelanjaan tahun 1977.

Begitu juga masalah barang-barang letrik. Seorang yang hendak menggunakan peti ice ataupun barang-barang masak letrik ataupun lain-lain itu yang dinaikkan cukai. Letrik bukanlah merupakan barang-barang yang mewah lagi tetapi ianya adalah barang-barang yang perlu sesuai dengan hasrat Kerajaan hendak membawa letrik ke luar bandar. Rancangan Malaysia Ketiga tidak tahu berapa ratus ribu kaki hendak dibawa masuk ke kampung, ini kerana kita hendak memberi kemudahan kepada rakyat di kampung, agar merasa bagaimana menjadi seorang rakyat yang ada mempunyai letrik. Mereka sekarang sedang bercita-cita hendak membeli sebuah TV. dan kalau boleh kita galakkan masyarakat di kampung itu mengadakan aktiviti perniagaan, umpamanya kelas KEMAS hendak buat kelas set rambut, hendak buat itu dan hendak buat ini, semuanya hendak gunakan letrik. Selama ini kita beri contoh kepada mereka bahawa orang di bandar mereka boleh buat itu dan buat ini, sebab ada letrik, tetapi apabila kita bawa letrik ke kampung, maka barang-barang letrik ini pula dinaikkan cukainya. Saya rasa inipun tidak berpatutan. Kalau dinaikkan cukai kereta Mercedes, naikan cukai kereta yang besar-besar itu menasabah ataupun cukai barang-barang yang lumayan seperti intan belian ataupun arak candu, cukailah seberapa suka hendak buat. Tetapi kalau barang letrik seperti machine, itu bukanlah satu perkara yang mewah lagi bagi kita sekarang, sesuai dengan dasar Kerajaan hendak bawa letrik ke kampung-kampung. Jadi, saya mintalah Kementerian Kewangan mengkaji balik dan berunding mencari satu cara yang baik supaya dapat dilonggarkan cukai barang-barang ini.

Saya rasa cukuplah setakat itu, Tuan Yang di-Pertua, dan saya sekali lagi memberi sokongan yang penuh kepada Belanjawan tahun 1977.

3.57 ptg.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah (Baling): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi sokongan kepada usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang mencadangkan suatu Akta bagi

mengemukakan sejumlah wang daripada kumpulan wang yang disatukan untuk perkhidmatan tahun 1977. Dalam rangka rancangan-rancangan yang dikemukakan itu adalah keseluruhannya bertujuan untuk menghasilkan matlamat-matlamat sosial dan ekonomi negara seperti yang termaktub dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk tahun 1970-1990.

Rakyat sangat tertarik hati kerana Yang Berhormat Menteri telah menyatakan dengan begitu jelas iaitu Belanjawan ini akan dilaksanakan dengan cara-cara yang berseesuaian dengan keadaan masa dan secara yang sehabis-habis berkesan iaitu flexible and pragmatic. Rakyat negara ini bertambah gembira kerana menurut kata Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa ekonomi Malaysia adalah bertambah baik dari waktu-waktu yang lalu berbanding dengan keluaran negara kasar (K.N.K.) maka perkembangan telah meningkat dan begitu juga keadaan inflasi telah beransur turun. Cukai-cukai baharu yang dibentangkan itu tidaklah menekan rakyat miskin keseluruhannya dan saya percaya dengan pendapatan wang negara yang berlebihan hasil daripada cukai-cukai itu akan dapat menampung segala perbelanjaan pengurusan Kerajaan dalam bidang-bidang hendak mengimbangkan ekonomi rakyat seluruhnya khususnya rakyat di luar bandar.

Memandangkan kepada hasrat Kerajaan hari ini yang benar-benar hendak membangunkan bumiputra supaya lebih banyak lagi mengambil bahagian cergas dalam bidang perusahaan dan perdagangan, saya menyatakan iaitu banyak lagi perkara-perkara yang patut dibuat oleh Kerajaan, meskipun telah ada sebilangan besar ahli-ahli perniagaan dan perusahaan bumiputra yang menceburkan diri dalam bidang baharu yang terbuka ini, ada mereka yang meningkat berjaya dan ada yang gagal. Ada ahli-ahli perniagaan dan perusahaan bumiputra yang telah menjalankan kerja-kerja ini secara joint-venture atau persendirian ataupun lain-lain cara lagi. Saya merayu Kerajaan supaya pengkajian sejauh mana penceburan bumiputra dalam sektor ini mencapai kejayaan dibuat dengan segera dan kiranya masih didapatkan kelemahan-kelemahan berlaku, maka Kerajaan harus bertindak dengan segera supaya perubahan-perubahan dasar dapat dilakukan dan pertolongan harus diberi untuk membimbing bumiputra ke arah

tersebut disegerakan. Saya mengesyorkan supaya Yang Berhormat Menteri Kewangan dapat mengasas dan menubuhkan sebuah badan khasnya, iaitu sebuah yayasan yang boleh diberi nama sebagai Yayasan Perdagangan dan Perusahaan atau seumpamanya ditubuhkan dengan tujuan semata-mata iaitu:

- (1) Untuk membuat kajian yang mendalam dan menyeluruh di atas perkembangan perdagangan dan perusahaan negara supaya dapat mengekalkan keadaan kestabilan dan kelancaran ekonomi sesuai dengan kehendak-kehendak dasar Kerajaan dalam bidang membantu dan membimbing bumiputra kepada matlamat-matlamat yang diharap-harapkan itu.
- (2) Untuk menolong dan membantu rancangan Kerajaan dalam segi perusahaan dan perdagangan dengan mengadakan berbagai-bagai kemudahan serta kelonggaran menerusi galakan yang bersungguh-sungguh daripada kalangan agensi-agensi Kerajaan sendiri untuk para pengusaha pedagang-pedagang dalam dan luar negeri sama-sama memainkan peranan.
- (3) Mengadakan perhubungan dan kerjasama yang tegas dengan Kerajaan Pusat dan Negeri dan lain-lain agensi perusahaan yang diiktiraf untuk kemajuan perusahaan dari segi pemikiran, peluang-peluang dan juga teknik.
- (4) Untuk merapatkan perhubungan dan menyatukan usaha-usaha membawa masuk modal-modal dan perusahaan-perusahaan luar ke dalam negeri di bawah satu pusat pengawasan.
- (5) Membuat kajian yang lebih banyak dan kemas lagi dari segi pemasaran di seberang laut ataupun di luar negeri dari segi barang-barang pengeluaran Malaysia.
- (6) Menyediakan perenggaran berkenaan dengan dasar-dasar perdagangan dan perusahaan dan juga dasar membawa masuk modal-modal luar negeri yang sentiasa digalakkan oleh Kerajaan itu untuk disebarkan seluas-luasnya khas kepada bumiputra.
- (7) Menambahkan lagi perkhidmatan menjual wajah Malaysia di seluruh dunia untuk menarik lagi modal ke dalam negeri ini.

- (8) Mengadakan pertukaran teknik, pertukaran information, pertukaran latihan dalam dan luar negeri secara intensif kepada pengusaha-pengusaha dan ahli-ahli perdagangan khas bumiputra kecil dan besar.

Saya menyeru satu perubahan patut diadakan kepada semua Jabatan-jabatan Kerajaan hari ini dijalankan. Jabatan-jabatan Kerajaan harus mengambil tauladan yang baik daripada contoh-contoh yang telah diberikan oleh pihak tentera dalam tugas-tugas mereka menghadapi musuh di sempadan ataupun di kawasan-kawasan sempadan. Hari ini untuk pengetahuan Dewan, tiap-tiap orang tentera telah mendapat sanjungan yang tinggi daripada rakyat kampung kerana mereka bukan sahaja menjalankan rondaan ataupun pengawalan-pengawalan daripada ancaman-ancaman kominis tetapi juga telah banyak membantu rakyat dalam kerja-kerja pembangunan, memberi tunjuk ajar hal-hal pertanian dan lain-lainnya. Semangat dan cara-cara tentera bergerak dalam masyarakat menerusi berbagai-bagai cara ini kalau dapat dicantumkan dengan semua Jabatan Kerajaan yang kelak dapat mencontohi semangat sukarela ahli-ahli tentera ini, maka perubahan-perubahan akan dapat dipercepatkan dan akan menjadi satu kenyataan yang tegas dalam negara kita.

Di dalam anggaran perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1977, saya merasai sangat sedih kerana Kedah telah mendapat pembahagian yang sangat rendah berbanding dengan pembahagian kepada lain-lain Negeri iaitu hanya sejumlah \$115 juta sahaja. Saya bertanya kepada Dewan yang mulia ini, apakah dosanya rakyat Kedah yang telah bertungkus-lumus memerahkan peluh untuk mengeluarkan bahan-bahan makanan beras kepada negara ini maka sumbangan sebanyak itu telah diberikan untuk negeri ini? Sumbangan Kedah terhadap kemajuan Malaysia dari segi tenaga pegawai, daripada segi kesetiaan sama bangun, sama rebah dengan Kerajaan Pusat adalah ternilai tinggi sejak merdeka sehingga sampai sekarang ini. Kerana itu saya berharap pengkajian semula dalam pembahagian wang kepada perbelanjaan pengurusan negeri dan pembangunan di Kedah patut dibuat dengan satu semangat yang baru iaitu semangat semata-mata hendak melihat negeri Kedah maju seperti negeri-negeri yang lain. Jangan hendaknya kerana sebab-sebab yang tertentu itu maka

pembahagian wang yang sepatutnya diberi kepada Kerajaan Negeri Kedah itu dipotong dan diperkecilkan. Rakyat Kedah juga yang akan menderita beberapa tahun ini. Adakah Kerajaan Kedah sampai hati hendak melihat kawasan-kawasan di selatan Kedah iaitu kawasan-kawasan lerengan sempadan daripada Sungai Kerian, Bandar Bharu, pergunungan Gunung Bintang membawa ke daerah-daerah Kulim, Baling, Sik seterusnya sehingga ke kawasan-kawasan bersejarah iaitu di Gubir di Padang Terap akan dilandaan dengan keadaan-keadaan yang terbiar. Kalau kawasan-kawasan ini sudah terbiar dan dilupai, tidakkah kelak pada lojiknya akan dihinggap dengan berbagai-bagai penyakit kelemahan yang seterusnya boleh merosakkan kepada kestabilan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhir-akhir ini rombongan demi rombongan lawatan keluar negeri yang dibuatkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri telah berlaku ke negara-negara asing untuk meninjau dan mempelajari kemajuan-kemajuan untuk dibawa kembali ke negeri masing-masing. Adakah ini satu cara yang sihat digalakkan oleh Kerajaan Pusat, mengapa tidak diselaraskan dengan Kerajaan Pusat? Rakyat menuduh rombongan-rombongan ini hanya semata-mata untuk makan angin sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, lagi sekali saya mengulangi balik iaitu usaha-usaha untuk membangunkan kawasan Baling ataupun selatan Kedah, kawasan yang saya katakan di sini dilupai dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini sangat mengecewakan. Saya rasa usaha-usaha selama ini hanya berlingkar dalam bilik-bilik mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah-daerah. Minit itu diumumkan daripada sebulan ke sebulan dan tindakan-tindakan hanya sedikit sahaja yang dapat dijalankan. Tetapi walau bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pertanian yang mengadakan sedikit usaha-usaha untuk membawa masuk kerbau-lembo jenis berbaka baik ke daerah-daerah pendalaman seperti Baling dan lain-lain, dan saya rasa usaha-usaha yang semacam ini walaupun sebagai satu usaha yang merupakan setitik air dalam lautan yang luas patutlah dilipatgandakan lagi, tetapi usaha yang seperti itu iaitu usaha pembelaan kerbau-lembo itu hendaklah dibuat dengan cara-cara yang lebih berkesan lagi. Saya syorkan di sini pembelaan kerbau-lembo itu hendaklah disatukan ke sebuah kampung,

bukan diberi secara berseorangan: seorang di sana dan seorang di sini. Maksud saya ialah pembelaan kerbau-lembo itu hendaklah disatukan ke sebuah kampung dan dijalankan secara berkelompok ataupun beramai-ramai dengan mengadakan tempat atau kawasan ragut yang sesuai. Tenaga belia daripada persatuan-persatuan belia ataupun persatuan peladang dapat digunakan,

Tuan Yang di-Pertua, sewaktu hujan turun berbulan-bulan sejak bulan Jun, Julai, Ogos, September hingga sekarang ini keadaan-keadaan pekebun-pekebun kecil lebih-lebih lagi penoreh-penoreh getah sangatlah dhaif. Saya harus mengingatkan kepada Kerajaan pada hari ini persediaan untuk menghadapi kemerosotan ekonomi untuk beberapa bulan ke kawasan-kawasan ini harus dibuat daripada sekarang ini. Kalau perubahan-perubahan cara-cara hidup tidak dibuat sekarang ini sampai kiamat ekonomi di kawasan-kawasan ini akan merosot terus-menerus dan perkara ini hanya bukan terletak kepada kepandaian Wakil Rakyat di tempat itu sahaja yang boleh meredakan hati rakyat yang bangun berteriak kalau Kerajaan tidak bersama-sama mahu memainkan peranan mengadakan perubahan-perubahan itu dengan tegas dan cepat. Kalau Jabatan Pertanian, Jabatan RISDA, Jabatan Koperasi, Jabatan Haiwan hendak mengadakan usaha-usaha jabatan masing-masing bertompok-tompok di sana sedikit, di sini sedikit, usaha-usaha itu tidak akan memberi kesan dan gambaran yang baik kepada rakyat. Kalau sudah Menteri Kewangan, Menteri Pertanian, Menteri Perusahaan Utama, Menteri Besar dan banyak lagi Menteri-menteri masing-masing berjanji hendak membawa perubahan-perubahan kepada kawasan-kawasan sempadan itu, biarlah usaha-usaha tersebut itu dipadukan daripada peringkat Menteri, peringkat pegawai-pegawai pusat semua jabatan, kemudian diselaraskan ke negeri dan diselenggarakan dengan satu nada, satu hasrat di peringkat daerah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengulangi balik lagi satu perkara yang saya rasa sangat-sangat saya hendak luahkan di sini iaitu perlunya pengawalan yang rapi di kawasan sempadan. Saya syorkan di sini satu pasukan yang boleh diberikan nama sebagai Pasukan Keselamatan Sempadan (Border Security Unit) ditubuhkan. Hasrat rakyat di sempadan hendak bersama-sama

dengan Pasukan Keselamatan ataupun tentera yang bergerak membasmi anasir-anasir komunis adalah meluap-luap. Sudah sampai masanya sekarang ini yang belia-belua ataupun pemuda-pemuda di kampung-kampung di sempadan diberi latihan senjata untuk bergerak cergas mengawal kampung masing-masing. Latihan-latihan ini selain daripada latihan menggunakan senjatapi-senjatapi maka latihan-latihan mengenal cara-cara taktik musuh, umpamanya penanaman periok-periok api yang ditanam dan bagaimana hendak memusnahkan, latihan cara-cara hendak menyampaikan rahsia kepada Kerajaan dengan cepat dan lain-lain lagi latihan yang patut dijalankan. Jadi penubuhan Pasukan Keselamatan Sempadan (Border Security Unit) ini adalah sangat perlu sekali pada waktu ini tatkala gerakan-gerakan musuh bertambah rancak walaupun keadaan sekarang ini tidak memerlukan lagi tenaga sukarela rakyat kerana pengawalan pihak Kerajaan adalah cukup, tetapi dengan adanya penubuhan pasukan pengawalan daripada rakyat untuk membantu membasmi musuh yang bergerak dalam masyarakat di kawasan sempadan ini, maka kelak akan memarakkan semangat rakyat di seluruh negara untuk bersama-sama dengan Kerajaan menghentam dan mencabut akar umbi gerakan-gerakan komunis ini, sebab rakyat sudah bosan dan benci dengan perbuatan-perbuatan keganasan komunis yang melawan Kerajaan rakyat.

Jadi, saya syorkan iaitu latihan-latihan patut diberi kepada rakyat di hujung-hujung negeri dan sempadan-sempadan dengan secukup-cukupnya dan berilah senjata kepada orang-orang kampung supaya masing-masing siap sedia untuk berhadapan dengan musuh dan untuk bersama-sama mati bertindih tulang dengan perajurit kita dan saya berharap Kerajaan juga akan memberi bekalan semangat keberanian kepada rakyat di kampung supaya mereka tidak gentar di atas apa yang diugut-ugutkan oleh komunis selama ini. Dengan adanya latihan-latihan tersebut, kemudian ada pula senjata-senjata di tangan rakyat tidak akan dapat digugat dan penghidupan seharian untuk membangunkan ekonomi dapat diselenggarakan dengan tabah dan berani. Penubuhan Pasukan-pasukan Keselamatan Sempadan ini ialah hanya untuk kawasan-kawasan di

sempadan sahaja dan saya fikir inilah satu-satunya cara yang baik dan berkesan untuk menolong menghapuskan musuh yang cuba selama ini hendak meruntuhkan Kerajaan rakyat yang demokrasi ini.

4.11 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1977 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan hari Jumaat, 29hb Oktober yang lalu di Dewan ini. Saya mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan pegawai-pegawai di Kementerian yang telah melibatkan diri untuk menyediakan Belanjawan ini dengan penuh cekap dan cermat.

Saya menganggap Belanjawan tahun 1977 ini sebagai suatu Belanjawan yang akan memenuhi kehendak-kehendak dan keperluan-keperluan tahun akhir Rancangan Malaysia Kedua dan melaksanakan kerja-kerja awal dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Saya berkata demikian ialah kerana kita sedar bahawa sebahagian daripada rancangan-rancangan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua masih banyak yang belum selesai dan setengahnya masih belum mula dilaksanakan lagi. Oleh sebab itu, kita dapati Anggaran Pembangunan, 1977 sebagaimana yang dibentangkan dalam Dewan ini merupakan satu angka yang besar seolah-olah belanjawannya akan diuntukkan kepada tempoh lebih daripada setahun. Angka \$4,694 juta itu adalah suatu jumlah yang besar. Ia merupakan 30% lebih tinggi dari jumlah peruntukan Belanjawan tahun 1976 yang berjumlah sebanyak \$3,317 juta. Kepada orang ramai mereka tidak terkejut dengan peruntukan yang besar ini jika mereka mengetahui bahawa perbelanjaan pembangunan yang tinggi ini akan memenuhi tujuan:

- (i) Bagi mengukuhkan dan meneruskan pemulihan ekonomi;
- (ii) Bagi membantu pencapaian matlamat pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga;
- (iii) Bagi keselamatan terutamanya untuk menentang ancaman komunis.

Tuan Yang di-Pertua, sesudah 19 tahun kita merdeka kita tidak dapat menafikan bahawa beberapa kemajuan dan kejayaan

telah dapat dicapai dalam beberapa bidang yang tertentu umpamanya dalam bidang sosio-ekonomi. Tetapi dalam pada itu pun kita juga tidak dapat menolak begitu sahaja teguran-teguran yang mengatakan bahawa kita telah gagal dan kurang berjaya dalam beberapa bidang yang lain seperti juga dalam aspek ekonomi dan sosial. Saya tidak bermaksud hendak memperincikan tentang kejayaan atau kegagalan kita pada masa-masa yang sudah. Saya juga tidak mahu mempersoalkan atau mengatakan siapakah yang bertanggungjawab terhadap segala kejayaan-kejayaan dan kegagalan itu kerana bukan masanya sekarang kita memperkatakan perkara yang sudah banyak diperkatakan orang.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dapat diizinkan oleh Dewan ini, suka saya membuat penilaian ringkas terhadap detik-detik kegiatan kita sejak merdeka hingga sekarang. Pembahagian itu adalah bermula pertamanya dalam tahun-tahun lima puluhan, yang kedua dalam tahun-tahun enam puluhan dan yang ketiganya dalam tahun-tahun tujuh puluhan. Tahun-tahun lima puluhan bolehlah diberi nama tahun kemerdekaan. Tahun enam puluhan ialah tahun pembangunan manakala tahun tujuh puluhan adalah tahun mengenal dan menilai segala pengisian kemerdekaan itu. Saya namakan tahun tujuh puluhan ini sebagai tahun-tahun penilaian.

Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra, bekas Perdana Menteri kita yang pertama ada mengatakan baru-baru ini bahawa di tahun-tahun lima puluhan adalah tahun-tahun yang paling gembira sekali kepada rakyat dan pemimpin-pemimpin Malaysia terutama Perdana Menteri kerana pada masa itu kemegahan, kemuliaan dan kenikmatan kemerdekaan masih berligar-ligar di setiap hati dan fikiran rakyat jelata. Dapatlah juga dinamakan tempoh ini tempoh bersukaria menyambut termasya agong iaitu perayaan menyambut kemerdekaan. Namun demikian, usaha-usaha telah juga dijalankan oleh Kerajaan dalam hal mengisi kemerdekaan itu. Kegiatan-kegiatan mengisi kemerdekaan dalam keadaan kegembiraan yang tidak habis-habis itu rupa-rupanya tidak begitu mendatangkan banyak menafaat lebih-lebih lagi apabila memikirkan bahawa sejarah nasionalisma kita adalah nasionalisma yang bukan berorientasikan ekonomi

bahkan yang lebih berorientasikan bahasa, perkauman dan lain-lain yang bukan bercorak ekonomi. Maka perancangan yang teliti dan cermat tidaklah begitu ditekankan.

Tuan Yang di-Pertua, usaha yang telah dijalankan dalam tahun-tahun kemerdekaan itu bagaimanapun tidaklah dibatalkan malah diteruskan dengan perubahan-perubahan yang dibuat di sana sini. Beberapa projek terpaksa dinilai semula dan beberapa rancangan yang tidak berfaedah ditinggalkan. Kesedaran yang wujud ketika itu ialah bahawa kegagalan kita dalam beberapa projek atau rancangan adalah kerana kita kekurangan pengetahuan teknikal dan ketiadaan tenaga ekseptik dalam banyak hal baik dalam bidang ekonomi, sosial atau pelajaran.

Kajian setengah penggal yang dijalankan dalam pertengahan Rancangan Malaysia Kedua adalah memberi banyak faedah dan mendapat banyak kejayaan. Harus diingat bahawa dalam mengkaji untung rugi atau jaya gagalanya segala rancangan kita perangkaan-perangkaan yang tepat dan terperinci tidak dapat diutarakan kerana baik kejayaan atau kegagalan semuanya adalah perkara abstract yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar 100%.

Demikian juga harus diingat bahawa dalam mengkaji kejayaan dan kegagalan rancangan di Malaysia ini kita tidaklah harus melupakan bahawa di Malaysia ini sejak dahulu sampai sekarang masih terdapat dengan ketaranya suatu sistem yang dinamakan sistem duaan atau dual sistem. Sistem duaan ini wujud dalam hampir-hampir semua sektor dan bidang. Saya berikan dua contoh mengenai sistem duaan ini. Sistem duaan dalam pelajaran melahirkan pelajaran aliran Melayu di satu pihak dan aliran Inggeris di pihak yang lain. Dalam sektor perdagangan pula lahirnya sistem perdagangan antarabangsa dan sistem kebumiputeraan secara tradisi yang tidak berasaskan nilai-nilai dan kehendak-kehendak antarabangsa. Demikian juga dalam hal-hal yang lain sistem duaan ini wujud dan diwujudkan oleh kaum kapitalis sejak zaman pra merdeka lagi.

Tuan Yang di-Pertua, maksud saya menimbulkan perkara ini ketika membahas Belanjawan, 1977 ini ialah dengan tujuan jika kaum bumiputra tidak berupaya menerjunkskan diri mereka ke dalam sistem

perdagangan dan perindustrian antarabangsa itu dalam ertikata yang sebenarnya, maka tidakkah boleh diteruskan sistem kebumiputeraan cara tradisi itu diubahsuaikan supaya sesuai dengan sistem antarabangsa. Saya akan hanya menyentuh kegiatan ekonomi bumiputra peringkat tradisi yang diubahsuaikan di sana sini. Maksud saya ialah di samping menumpukan banyak perhatian kepada dasar dan sistem ekonomi yang berbentuk antarabangsa yang tidak dapat dielakkan oleh negara moden hari ini maka eloklah juga suatu Jabatan khas diwujudkan di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang tugasnya khusus untuk mengendali, menilai, menyemak, membantu dan lain-lain segala rupa bentuk kegiatan ekonomi bumiputra. Ini bukanlah bererti bahawa saya mengecil-ngecilkan usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh beberapa agensi Kerajaan yang telah ditubuhkan khusus untuk membantu bumiputra dalam berbagai-bagai kegiatan ekonomi. Apa yang saya maksudkan ialah bahawa penyertaan bumiputra dalam lapangan perdagangan dan perusahaan ini hendaklah diberi perhatian yang sungguh-sungguh serius dan teliti kerana jika bumiputra gagal lagi dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini dan tidak berjaya menambahkan peratus penyertaannya yang amat kecil itu, maka kita takut ahli-ahli perdagangan dan perusahaan bumiputra akan merasa keciwa dan mula memikirkan bahawa Kerajaan sekarang tidak mampu meningkatkan taraf hidup bumiputra sendiri dalam lapangan ekonomi menerusi Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Ketiga. Dan jika Rancangan Malaysia Ketiga pun masih tidak berjaya meningkatkan taraf ekonomi bumiputra, maka saya ragu-ragu dan bimbang bahawa Rancangan Malaysia Keempat perlu atau tidak perlu diadakan lagi dan mungkin pula bumiputra akan memikirkan bahawa seluruh sistem yang ada sekarang tidak baik untuk mereka lalu mereka akan mula memikirkan untuk menggantikannya dengan suatu sistem lain yang asing bagi kita dan ini barang dijauhkan Allah hendaknya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawannya mengatakan di antara lain, sejumlah wang yang cukup akan diberi kepada semua agensi-agensi Kerajaan untuk membolehkan projek-projek pembasmian kemiskinan dilaksanakan dengan segera dan matlamat menyusun semula masyarakat akan

dipercepatkan juga. Sebenarnya, kedua-dua matlamat ini adalah sukar dilaksanakan terutama bagi menyusun semula masyarakat itu. Oleh hal yang demikian, kita hendaklah melaksanakan penyusunan semula masyarakat Malaysia ini dengan berhati-hati supaya janganlah dalam penyusunan itu beberapa aspek yang sehubungan dengan proses pembasmian kemiskinan terpaksa dikorbankan. Tentang pembasmian kemiskinan itu, pada pendapat saya insya Allah dapatlah dijayakan sehingga ke paras 60% atau 70%. Hal ini dapat kita lakukan dengan segala tenaga yang ada pada kita dengan tidak kira yang miskin atau kaya, ahli-ahli politik ataupun pegawai-pegawai Kerajaan, pemimpin-pemimpin masyarakat dari yang sekecil-kecilnya kepada yang sebesar-besarnya dengan menunjukkan sifat-sifat atau faktor-faktor yang berikut:

- (1) Kejujuran pada niat dan perbuatan;
- (2) Kesungguhan kepada setiap individu;
- (3) Tidak ada niat atau sikap menindas antara satu sama lain;
- (4) Sikap berani berkorban terhadap kepentingan diri sendiri;
- (5) Jangan ada double standard di kalangan pegawai-pegawai tinggi Kerajaan dan para pemimpin;
- (6) Jangan ada niat atau sikap mencari kesempatan dengan cara rasuah dalam segala projek;
- (7) Sikap dan tidak melengah-lengahkan kerja;
- (8) Sifat betul-betul mahu melihat rakyat hidup aman, makmur dan bahagia bukan pada kata dan ucapan sahaja bahkan pada praktik juga.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cukai, saya tidak hendak mengulas tentang cukai-cukai yang dikenakan oleh Kerajaan pada tahun 1977 ini, kerana bolehlah dikatakan sebahagian besar rakyat jelata boleh menerima pada keseluruhannya cukai-cukai yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, tambahan pula sudah banyak yang diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, cuma saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan agar cukai jalan kepada pemilik motosikal patut dikaji semula, kerana pemilik motosikal adalah tergolong di dalam golongan

yang berpendapatan rendah juga. Membeli kenderaan itu adalah secara terpaksa atau mendesak.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pelajaran agama, saya mengucapkan banyak terima kasih di atas usaha Kerajaan selama ini terhadap pelajaran agama di sekolah-sekolah Kerajaan kerana pelajaran agama ini tidak dapat dipisahkan daripada usaha perjuangan menentang komunis dalam negara kita ini. Oleh sebab itu, usaha-usaha ke arah menyempurna dan melengkapkan keperluan bagi pengajaran agama ini amatlah penting. Dalam hubungan ini sebuah Maktab Perguruan Islam untuk melatih dan mendalami pelajaran dan pengajaran agama Islam amatlah mustahak dan saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kepada persetujuannya hendak menubuhkan sebuah maktab perguruan yang tersebut di Malaysia ini. Apa yang diharapkan ialah pelaksanaan bagi penubuhan Maktab ini hendaklah disegerakan seberapa yang boleh dan jika dapat saya cadangkan penubuhan hendaklah dilaksanakan pada tahun 1977 ini juga. Sebab, jika dilambat-lambatkan penubuhan projek yang baik ini, maka akan terlambat pula kita mendapat hasil dan akan tentulah merugikan negara memandangkan betapa penting dan mustahaknya perjuangan kita menentang komunis.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini kita dapati bahawa penyampaian pelajaran agama Islam di sekolah-sekolah, samada di peringkat sekolah rendah atau sekolah menengah tidak benar-benar memberi kesan dengan cara yang menyeluruh kerana terdapat sebahagian daripada murid-murid atau pelajar-pelajar agama itu tidak mengetahui sekadar sepatutnya pelajaran agama itu. Dengan lain-lain perkataan bahawa pencapaian murid-murid atau pelajar-pelajar itu tidaklah cukup sempurna. Keadaan yang demikian mungkin sebahagian daripada guru-guru itu tidak cukup ilmu perguruan atau ilmu latihan guru. Ini boleh dilihat di setengah-setengah siaran akhbar yang mengatakan bahawa setengah murid-murid sekolah menengah tidak pandai sembahyang. Semuanya ini dan lain-lain kelemahan lagi hanya akan dapat diperbaiki dengan adanya sebuah Maktab Perguruan Islam yang dicita-citakan itu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menambah pengluasan di bidang pelajaran agama, saya suka mencadangkan dalam Dewan ini empat perkara:

- (1) Mendesak Kementerian Pelajaran supaya mengambil alih secara berperingkat pentadbiran sekolah agama termasuk Sekolah Agama Rakyat. Pada ketika ini pihak Kementerian cuma merangka untuk mengambil alih daripada Kerajaan Negeri. Guru-guru Agama di Sekolah Rendah Kebangsaan sahaja.
- (2) Menggesa Kementerian Pelajaran supaya membentuk Majlis Pendidikan Islam Malaysia yang ditadbirkan oleh Kementerian Pelajaran. Pada masa ini setahu saya Kementerian tidak menubuhkan Majlis ini tetapi menubuhkan Majlis Penasihat Hal Ehwal Pelajaran Agama Islam kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran.
- (3) Menggesa Kementerian Pelajaran supaya menubuhkan Lembaga Peperiksaan Sekolah-sekolah Agama di bawah Kementerian Pelajaran.
- (4) Menggesa Kementerian Pelajaran supaya menubuhkan sebuah Lembaga Penyusunan Buku-buku Agama yang bermutu dan sesuai dengan susunan tempatan dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka.

Akhir sekali, saya menyokong anggaran belanjawan tahun 1977 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan.

4.27 ptg.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar (Batu Pahat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Rang Belanjawan bagi tahun 1977 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan seminggu yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana rakan-rakan saya yang lain, saya juga mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan juga seluruh pegawai-pegawai di Perbendaharaan yang mana telah berjaya menyediakan, menyiapkan dan mengemukakan Rang Belanjawan bagi tahun 1977 yang saya anggap amat sesuai dengan keadaan ekonomi negara pada saat ini dan

sebagaimana yang kita maklum dari pandangan rakyat bahawa Rang Belanjawan ini telah diterima oleh seluruh rakyat. Terang dan jelas, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Rang Belanjawan ini telah disusun dan disediakan dengan begitu rupa di mana fungsi dan peranannya saya anggap meliputi seluruh kepentingan dan keperluan rakyat serta negara lebih-lebih lagi Belanjawan ini telah disesuaikan kepada keadaan pemulihan dan pertumbuhan ekonomi negara sebagaimana yang saya katakan tadi di mana saya percaya ini adalah sebagai satu persiapan atau persediaan bagi menghadapi masa hadapan kita yang penuh cabaran terutamanya dalam menjayakan cita-cita suci Kerajaan dan rakyat kita dalam pembangunan, dalam erti kata yang sebenarnya yang akan dapat dikecap oleh seluruh rakyat. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada seluruh rakyat termasuklah kita Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini menyokong Rang Belanjawan ini di mana kita turut bersama-sama bertanggungjawab dalam membina negara dan bangsa kita.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita tinjau dari Rang Belanjawan ini, kita dapati bahawa peruntukan yang paling besar adalah disediakan untuk bidang pelajaran. Ini terang dan jelas menunjukkan bahawa Kerajaan kita benar-benar berhasrat dan bercita-cita untuk menjayakan Dasar Pelajaran Kebangsaan kita di mana ini adalah satu daripada usaha kita dalam pembentukan sebuah negara Malaysia yang bersatupadu menerusi bidang pelajaran.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Oleh kerana peruntukan yang begitu besar telahpun disediakan bagi bidang ini, saya suka hendak memperkatakan beberapa perkara dalam dasar pelajaran kita. Kita berasa bangga bahawa Kerajaan kita yang diamanahkan oleh rakyat sejak kita mencapai kemerdekaan telah berjaya menciptakan satu dasar pelajaran yang pada keseluruhannya dapat diterima oleh seluruh rakyat lebih-lebih lagi memandangkan negara kita terdiri daripada berbilang keturunan, adat resam, kebudayaan, agama lebih-lebih lagi bahasa tetapi dengan sokongan penuh daripada rakyat dan dengan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin kita telah dapat menyusun satu dasar pelajaran yang pada hari ini saya percaya dan yakin kita tidak dapat

hendak meniadkan kejayaannya walaupun rakyat juga Kerajaan sentiasa mencari jalan untuk memperbaikinya lagi. Dan saya percaya dengan hasrat inilah Kerajaan telahpun menubuhkan sebuah Jawatankuasa peringkat Kabinet untuk mengkaji Dasar Pelajaran Kebangsaan kita. Apa yang saya harapkan sebagaimana rakan-rakan saya yang lain ialah supaya Lapuran Jawatankuasa ini dapat disegerakan dan dengan ini dapatlah kita memperelokkan lagi pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan kita.

Saya juga hairan sebagaimana rakan-rakan saya ada pemimpin-pemimpin kita walaupun tidak secara terus terang dengan mengatakan supaya satu dasar pelajaran yang lebih liberal patut diadakan. Ini jelas pada kita bahawa mereka menganggap dasar pelajaran kita ini tidak liberal. Jadi dengan segera dikemukakan Lapuran Jawatankuasa Pelajaran peringkat Kabinet ini, saya percaya kita akan dapat memperelokkan lagi pelaksanaan dasar pelajaran kita.

Saya suka menekankan mengenai dengan pelaksanaan Bahasa Kebangsaan kita, kerana pada hari ini kita dapati ramai rakyat Malaysia dan setengahnya pemimpin-pemimpin yang meragukan lagi tentang kebolehan dan kemampuan Bahasa Kebangsaan iaitu Bahasa Malaysia, terutamanya dalam bidang pelajaran tinggi, bidang pelajaran professional seperti dalam pelajaran kedokteran, kejuruteraan, sains dan sebagainya. Dan setengah-setengahnya terang-terang meniadkan kemampuan Bahasa Kebangsaan kita dalam bidang ini.

Kita penuh yakin walaupun Bahasa Malaysia dijadikan bahasa pengantar yang akhirnya ke peringkat pelajaran tinggi tetapi bahasa-bahasa dunia terutamanya bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu pengetahuan yang dianggap bahasa kedua tidaklah kita abaikan sepertimana pada hari ini pihak yang berkenaan telahpun menjalankan kempen pelajaran bahasa Inggeris dengan tujuan yang saya kata tadi. Jadi dengan ini tidaklah ada alasan mereka ini untuk hendak meragukan kemampuan Bahasa Malaysia dalam tujuan yang saya katakan ini. Lebih menyedihkan lagi, semenjak Bahasa Malaysia telah mula digunakan pada mulanya di sekolah-sekolah rendah dan pada tahun ini saya rasa masuk tahun pertama atau tahun kedua telah mula digunakan di sekolah menengah Kerajaan dan pada masa-masa yang lalu Kelas Peralihan (Remove

Class) dalam bahasa Inggeris sekarang telah menggunakan sepenuhnya Bahasa Malaysia. Apa yang saya menitik-beratkan, kebanyakan ibubapa yang bukan bumiputra kurang mempunyai kepercayaan. Kita boleh saksikan Kelas-kelas Peralihan yang menggunakan Bahasa Malaysia ini tidak ramai ibubapa yang bukan bumiputra yang menghantar anak-anaknya, terang dan jelas seperti saya katakan tadi mereka tidak percaya di atas kemampuan peranan Bahasa Malaysia ini dan meniadkan dasar pelajaran kita. Jadi saya harap perkara ini dapatlah kita mengambil perhatian terutamanya pihak-pihak di Kementerian Pelajaran. Misalnya, pada masa-masa yang lalu penubuhan Kolej Tunku Abdul Rahman pada setengah-setengah rakyat yang kurang faham, bagi kita tentulah tidak meragukan, mempersoalkan Kolej Tunku Abdul Rahman ini seolah-olah mereka tidak begitu percaya di atas kemampuan sekolah-sekolah menengah ataupun sekolah-sekolah dan pusat-pusat pelajaran tinggi yang ada di negara kita ini, seperti saya kata tadi pada satu masa nanti akan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantarnya yang mereka menganggap sekolah-sekolah ini tidaklah dapat atau mampu untuk menjadi perantara untuk mereka mencapai pelajaran di sekolah-sekolah tinggi samada di dalam atau di luar negeri. Tetapi saya percaya dan yakin dengan penerangan yang jelas, keadaan ini dapat kita kikis. Tetapi walau bagaimanapun apa yang saya harapkan di atas peranan Bahasa Malaysia tadi janganlah kita anggap sepi, marilah kita bersama-sama memikirkan keadaan ini kerana selain daripada apa yang saya katakan tadi menerusi Bahasa Malaysia juga, Bahasa Kebangsaan ini kita harapkan menjadi satu alat perpaduan seluruh rakyat yang ada di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana peruntukkan yang begitu besar juga dalam bidang pelajaran ini, saya ingin memperkatakan masalah ponteng sekolah yang sekarang menjadi buah mulut orang ramai. Saya percaya bukan di negeri Kelantan sahaja, perkara ini berlaku juga di negeri-negeri yang lain. Apa yang saya harapkan selain daripada peranan Jabatan Pelajaran, peranan guru-guru, saya percaya peranan ibubapa adalah penting terutamanya menerusi Persatuan Ibubapa dan Guru-guru (P.I.B.G.) bagi mengatasi keadaan ini. Kita harapkan dengan kebijaksanaan Pegawai-pegawa-

Pelajaran di negara kita perkara yang seperti ini tidak akan berlaku lagi memandangkan peruntukan yang begitu besar yang diberikan dalam bidang ini.

Saya mencadangkan kalau keadaan ini lebih meruncing, patutlah kita mengadakan satu Akta di mana kita mewajibkan ibubapa menghantarkan anak-anaknya ke sekolah. Menghantar anak-anak ke sekolah ini sebagai satu perkara wajib (compulsory) pada ibubapa sekalian. Ini bersesuaian dengan apa yang saya katakan peruntukan yang begitu besar yang diberikan dalam bidang ini dengan tujuan-tujuan sebagaimana yang saya katakan itu.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai dengan perumahan yang telah banyak kali diperkatakan dalam tiap-tiap kali Persidangan Parlimen dan juga diperkatakan oleh tiap-tiap Ahli Parlimen. Terang dan jelas kepada kita bahawa masalah perumahan ini adalah satu masalah yang paling penting terutamanya bagi penduduk-penduduk yang tidak berada. Apa yang saya hendak tegaskan di sini, pada hari semalam saya sebagai salah seorang ahli kumpulan Parlimen bagi Kementerian Perumahan telah melawat satu rancangan perumahan bersama-sama dengan Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri yang berkenaan di batu 3½ Cheras, iaitu rancangan rumah murah berkelompok. Rasa saya sepanjang umur saya, inilah pertama kali saya dapati sebuah rumah batu dua tingkat yang paling murah harganya dan yang paling sesuai untuk keluarga yang mempunyai tiga atau empat orang anak, tetapi kalau ada saudaramara yang hendak datang menumpang, memanglah tidak sesuai. Saya harapkan walaupun rancangan ini setakat rancangan pilot project ataupun rancangan perintis, tetapi saya percaya rancangan ini akan berjaya dengan keadaan bangunannya, tidak tahulah kalau bangunan itu pada mulamulanya elok selepas itu barangkali retak dan sebagainya. Saya percaya dengan penerangan daripada pihak persatuan developer dan wakilnya yang ada semalam menyatakan mereka telah mendirikan bangunan ini berdasarkan hasrat daripada Kerajaan terutamanya Allahyarham Tun Abdul Razak untuk mendapat rumah yang paling murah untuk rakyat. Saya menyeru kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan badan-badan perumahan yang lain supaya rumah bentuk yang saya katakan tadi dapat

kita bangunkan di seluruh negara, terutamanya di kawasan-kawasan yang sesak di bandar-bandar yang lain, selain daripada Kuala Lumpur ini. Kalau boleh dibuat di Cheras, saya rasa boleh juga dibuat di tempat-tempat yang lain. Saya percaya dengan cara ini akan dapat mengatasi kesulitan perumahan dan juga memberikan peluang kepada rakyat yang tidak mampu, yang tidak berada supaya dapat juga duduk di rumah batu sebagaimana mereka yang berada. Inilah saya rasa yang dikatakan pembangunan dalam ertikata yang sebenarnya dan yang dapat dikecap oleh semua rakyat daripada golongan yang setingginya, yang sekaya-kayanya sehinggalah rakyat yang tidak berada.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai dengan pembocoran rahsia, saya suka menenankan lagi apa yang telah diterangkan oleh rakan-rakan saya. Ini perlu, lebih-lebih lagi kakitangan Kerajaan yang pada masa mula menjalankan tugas atau mula-mula memegang jawatan telah bersumpah sebagaimana juga Wakil-wakil Rakyat. Misalnya, mengenai dengan masalah yang ditimbulkan dalam Dewan ini dua tiga hari lalu iaitu berkenaan pembelian Kapal Tentera Laut Di Raja Malaysia. Yang peliknya saya sendiri pun tidak dapat tahu, tetapi perkara ini sudah berlaku 1-2 bulan yang lalu telah dimasukkan dalam majallah "Far Eastern Economic Review", yang kalau tidak salah diterbitkan di Hongkong. Bagaimanakah rahsia yang patut kita simpan tiba-tiba bocor? Kalau dalam hal ini pembocorannya boleh berlaku, saya percaya dalam masalah yang lain juga begitu.

Kalau dahulu dua tiga hari sebelum Yang Berhormat Menteri Kewangan mengemukakan ucapan Belanjawannya, seolah-olah dalam begnya macam ada bom atom yang akan meletup. Setengah-setengah peniaga telah mengetahui dan mula menjalankan usaha sorok. Saya percaya tentulah mereka tidak tahu kalau tidak ada orang yang memberitahu. Saya menekankan perkara ini untuk kepentingan negara supaya kita bersama-sama menjalankan amanah negara samada rahsia-rahsia pentadbiran kita, rahsia-rahsia keburukan, kekuatan kita dan sebagainya tidak dapat ke tangan musuh-musuh negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menyentuh sedikit mengenai dengan pentadbiran hal-hal tanah di negara kita ini.

Walaupun kita telah mencapai kemerdekaan hampir 20 tahun, saya rasa ada lagi amalan-amalan zaman penjajah dahulu yang patut kita hendak ubah. Misalnya, pentadbir Majlis-majlis Tempatan atau Kerajaan Tempatan yang kita pusakai di zaman penjajah dahulu, tetapi pemimpin-pemimpin kita telah nampak perkara ini patut diubah. Syukurlah sekarang perkara ini telah diubah dan banyak negeri-negeri yang telah melancarkan samada Majlis-majlis Daerah ataupun Kerajaan Tempatan yang baru seperti baru-baru ini dibuat di Johor dan sebagainya. Apa yang saya hendak katakan di sini ialah mengenai dengan pentadbiran tanah, kadang-kadang tanah yang seluas 1-2 ekar hendak dipisahkan gerannya hingga memakan masa dua atau tiga tahun. Dalam pada itu ada setengah-setengah pihak yang mengambil kesempatan dan yang menjadi mangsanya petani-petani dan rakyat jelata yang kurang faham. Masalah Q.T., sub-division dan sebagainya kadang-kadang memakan masa yang lama. Ini patut kita ambil perhatian, ini juga menyentuh kepada pemaaju-pemaaju perumahan yang kebanyakannya menjalankan projek ini dengan menggunakan wang pinjaman daripada bank dan sebagainya. Kalau lambat masalah penyelesaian tanah dan sebagainya bererti mereka membayar bunga yang lebih. Oleh sebab itu, harga rumah yang patut dapat dibeli dengan harga \$15,000-16,000 menjadi \$20,000 atau \$30,000. Tetapi kerana rakyat dahagakan rumah mereka beli juga. Rakyat yang menjadi mangsa. Saya harap supaya Kementerian yang berkenaan mengambil perhatian.

Saya dapat tahu masalah pecah geran dan tanam batu sempadan ini ada dua Jabatan terlibat iaitu Jabatan Tanah dan Jabatan Ukur (Survey Department). Kalau boleh kedua-dua Jabatan ini diselarasakan atau dalam Jabatan Tanah itu diadakan Bahagian Ukur sendiri supaya dapat di-segerakan. Dalam zaman pembangunan seperti ini tanah-tanah hendak segera dibangunkan (develop), tetapi masalah ini memakan masa yang lama seolah-olah kita sudah naik kapal terbang, kita masih lagi menggunakan kereta lembu, kapal terbang terpaksa menunggu kereta lembu sampai. Perkara ini tentulah mengalami beberapa kerumitan bagi membetulkan. Walau bagaimanapun, demi kerana pembangunan yang saya katakan tadi demi kepentingan negara dan rakyat patutlah diperbetulkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap sedikit mengenai pentadbiran hal ehwal agama Islam di negara kita ini yang selalu diperkatakan, walaupun saya sedar dan saya faham hak atau kuasa mengenai pentadbiran agama ini terletak di tangan Kerajaan Negeri-negeri iaitu di bawah kuasa Duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu. Demi untuk kebaikan tentulah sekurang-kurangnya kita boleh membuat penyelarasan samada menerusi Majlis Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang telah ditubuhkan terutama dalam Semenanjung Malaysia yang kecil ini, kadang-kadang pentadbiran ini berbedza-bedza dan ini tentulah akan mengurangkan imej Islam kita. Apa yang saya harapkan supaya Kerajaan menerusi seperti yang saya katakan tadi iaitu Majlis Hal Ehwal Agama Islam supaya mengambil initiative dalam hal ini terutamanya mengenai dengan Mahkamah-mahkamah Syariah. Namanya sahaja mahkamah, tetapi setengahnya memanglah tidak layak untuk dipanggil mahkamah, seolah-olah buat ambil ada sahaja. Setengah-setengah perkara Mahkamah Syariah itu boleh dijadikan undang-undang Sivil biasa terutamanya yang mengenai dengan masalah akhlak budi pekerti, perhubungan ataupun masalah khalwat, bersekedudukan dan sebagainya hukuman sama kepada semua rakyat yang melakukannya. Siapa yang membuat patut beri hukuman yang sama, jangan sama-sama buat tetapi hukuman yang berlainan pula, sampai bila keadaan ini hendak kita biarkan? Saya rasa boleh kita rundingkan, boleh kita selaraskan dan boleh kita pinda menerusi Dewan yang mulia ini.

Satu perkara lagi sebagaimana yang telah ditegaskan oleh pemimpin-pemimpin kita dan ahli-ahli agama bahawa selain daripada menjadi pegangan kita dan perkara yang utama untuk memperbaiki budi pekerti, akhlak, pemikiran kita, agama juga menjadi alat yang penting dalam menentang fahaman komunis. Apa yang saya hendak tegaskan di sini kita tubuhkan sebuah majlis hal ehwal agama-agama di negara kita bukan Islam sahaja untuk menengok kepentingan agama yang ada dalam negeri kita ini, walaupun apa bentuk agama selagi mereka berpegang dengan agama mereka adalah sukar dimasuki oleh fahaman komunis. Lebih-lebih lagi dalam Perlembagaan kita selain daripada Islam menjadi agama rasmi adalah kebebasan agama yang lain. Selama ini kit-

menitik-beratkan ugama Islam kepada anak-anak Melayu apa hal pula pemuda-pemuda yang bukan Islam, mereka ada ugama juga. Sekurang-kurangnya kalau ada Majlis ini dapat menengokkan perkara ini dan dapat pula menjaga perhubungan baik antara ugama dengan ugama dan kalau mereka ingin memeluk Islam kita alu-alukan. Kita tak dapat memaksa orang lain memeluk ugama Islam tetapi boleh memperkuat supaya berpegang teguh dengan ajaran ugama masing-masing dengan tujuan yang saya kata tadi. Sekurang-kurangnya dapatlah kita capai tujuan baik itu. Kata pepatah Melayu, ugama itu kesucian bangsa, bangsa yang berugama, bangsa yang suci dan bersih fikiranannya, bersih tingkah lakunya, bersih cara gerakannya dan bersih cara keseluruhan hidupnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh sedikit mengenai perkhidmatan MAS. Kita berbangga dengan perkhidmatan MAS yang tak kalah kalau dibandingkan dengan perkhidmatan penerbangan di negara lain. Ini kita alu-alukan. Tetapi saya ingin sentuh sedikit mengenai kenaikan tambang MAS kerana kita tak ada perkhidmatan penerbangan lain dalam negeri ini, dimonopoli oleh MAS. Kenaikan ini telah disentuh oleh rakan-rakan saya ataupun orang ramai. Kenaikan ini saya rasa boleh kita timbangkan semula kerana rakyat kita yang mula mengenal dan menggunakan penerbangan sebagai alat perhubungan mereka, misalnya, dari Kota Bharu, Kuala Trengganu dan Kuantan ke Kuala Lumpur atau sebagainya. Pada masa yang lalu tambang kelas pertama dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu \$71 tetapi sekarang naik sehingga \$101. Saya diberitahu selain daripada kenaikan minyak, pihak Penerbangan Awam (Civil Aviation) mengenakan airport charges sekali ganda. Saya merayulah kepada pihak berkenaan menerusi Kementerian Perhubungan supaya memikirkan keadaan ini kalau boleh dikaji semula. Berilah peluang kerana bukanlah ertinya orang-orang kita yang naik kapal-terbang itu orang kaya tetapi mereka juga ingin mengecap nikmat menggunakan pengangkutan udara lebih-lebih lagi waktu bah, antara Kuala Lumpur ke Kuantan, Kota Bharu ataupun Kuala Trengganu. Saya juga mengharapkan kalaulah penerbangan murah biasanya waktu malam atau awal pagi dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang, Kuching dan Kota Kinabalu, dapatlah juga dijalankan ke lapangan terbang yang ada di

Semenanjung Malaysia ini untuk memberi peluang kepada rakyat kita yang sudah mula menyesuaikan diri dengan kemajuan sains dapat mengecap nikmat ini. Saya harap Kementerian berkenaan memikirkan keadaan ini.

Selain dari itu, saya ingin sentuh sedikit mengenai pergerakan belia di negara kita. Saya mengambil peluang mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang telah mengadakan berbagai rancangan untuk belia samada Kobena, Belia Peladang dan lain-lain lagi, dan juga peruntukan yang begitu besar telah diberikan tetapi apa yang hendak saya katakan di sini satu daripada cara menarik belia tampil ke hadapan menyahut rancangan yang begitu baik ialah penyusunan kelab-kelab belia juga hendaklah baik. Jadi oleh kerana dalam negara kita ini banyak pertubuhan belia samada Kelab Belia 4B, Majlis Belia Negeri, 3B dan sebagainya, saya dapati di setengah tempat kadang-kadang ada dua-tiga persatuan belia di antara mereka itu tidak sejalan misalnya seperti di tempat saya sendiri. Saya harap supaya ada penyelarasan antara belia-belia ini walaupun belia ini berlainan nama pertubuhannya tetapi tujuannya sama. Ini termasuklah penyusunan semula Majlis Belia Negara, seterusnya pada peringkat Negeri, peringkat Daerah supaya dapat menerima dengan sepenuhnya segala rancangan yang telah disediakan untuk mereka.

Saya suka juga hendak bercakap sedikit mengenai pekerja-pekerja kilang yang kebanyakan terdiri dari kaum wanita dari luar bandar. Patutlah kita mengambil perhatian samada daripada Jabatan Buruh atau Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kebanyakan wanita itu tidak ada pengalaman langsung mengenai hal bandar, kadang-kadang mereka sejak di kampung lagi telah tertipu kerana ingin mencari pekerjaan dan setengahnya sampai ke bandar tak tahu keadaan bandar. Setengahnya rumah tak ada, menumpang bujang sama bujang dan sebagainya yang menimbulkan berbagai masalah. Kalau kita menyalahkan mereka sahaja tentulah tak patut. Saya rasa patutlah kita samada menerusi Kementerian Kebajikan Am ataupun Kementerian Buruh supaya pihak kilang yang menggunakan tenaga mereka ini menengokkan keadaan mereka, bukan setakat mengadakan bas kilang sahaja, patut juga menyediakan rumah-rumah yang sempurna untuk pekerja kilang lebih-lebih lagi pekerja

wanita. Mereka hanya tahun keadaan di kampung mereka sahaja tetapi mereka tak tahu keadaan-keadaan lain yang menimbulkan masaalah-masaalah keruntuhan akhlak dan sebagainya.

Mengenai dengan perkhidmatan kesihatan, saya juga puas hati setakat ini dan mengucapkan tahniah kepada jabatan yang berkenaan di mana ini juga salah satu daripada perkhidmatan kemasyarakatan di samping pelajaran. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, walaupun berbagai-bagai rancangan, berbagai-bagai usaha telah dijalankan, kita dapati keadaan kesihatan penduduk-penduduk di luar bandar belum lagi mencapai kejayaan sepenuhnya terutamanya untuk kemudahan-kemudahan perubatan dan ini jelas kepada kita bila kita saksikan daripada statistik jumlah kematian-kematian orang-orang bandar dan luar bandar samada kematian ibu-ibu yang bersalin, kematian anak-anak waktu kecil lagi dan sebagainya kita dapati jumlah yang lebih di kawasan-kawasan luar bandar. Saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengkaji keadaan ini, dan patutlah satu bahagian khas ditubuhkan untuk mengkaji dan menilai kembali sejauh mana kejayaan perkhidmatan kesihatan di luar bandar. Kadang-kadang setengah daripada mereka takut hendak ke hospital misalnya, kerana mereka mendengar desas-desus terutamanya ibu-ibu yang hendak bersalin, yang cukup bulan terutamanya kalau bersalin anak yang sulung, mereka mendengar kononnya di hospital kalau lambat anak nak lahir nanti dipotong, digunting dengan tiada bius dan sebagainya. Dengan keadaan ini mereka menjadi takut. Ini satu contoh dan mereka lebih suka bersalin di rumah masing-masing terutamanya ibu-ibu yang di pendalaman. Keadaan-keadaan ini patut kita perbaiki. Ada terdapat lagi di setengah tempat pekerja-pekerja hospital terutamanya di waktu malam bila pesakit datang, mereka tidak dapat layanan yang sepatutnya barangkali mereka juga manusia biasa mengantuk dan sebagainya, sepatutnya mendapat rawatan segera tetapi hingga beberapa jam baru mendapat rawatan. Keadaan-keadaan seperti ini patutlah diperbaiki. Demikian juga waktu pesakit-pesakit luar yang terpaksa menunggu berjam-jam lamanya.

Bagi mereka yang mempunyai wang, tentulah tidak menjadi masaalah, sebab mereka mampu pergi ke kelinik-klinik

swasta yang barangkali kerana mereka hendakkan duit mereka memberi layanan yang lebih kepada mereka. Ini tidak dapat dinafikan walaupun perkhidmatan kita hari ini kalau dibandingkan sebelum kita mencapai kemerdekaan dahulu jauh lebih baik, lebih-lebih lagi kalau kita bandingkan dengan setengah negara di kawasan sebelah sini tetapi banyak lagi perkara-perkara yang patut diperbaiki kerana jika tidak dengan sebab yang kecil ini akan merosakkan perkhidmatan kita yang lain yang saya katakan tadi begitu baik.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap mengenai dengan Jabatan Penerangan. Jabatan Penerangan adalah satu jabatan yang penting terutamanya dalam kegiatan perang urat saraf bukan sahaja hendak menentang ancaman ataupun pengaruh komunis, tetapi juga supaya rakyat menjadi warganegara yang berguna. Apa yang saya hendak sebutkan saya dapati setengah-tengah pejabat, bilik pejabat Jabatan Penerangan ini amat menyedihkan, bangunannya adalah lama sebelum perang dahulu sempit, kadang-kadang kipas angin pun tiada. Demikian juga yunit-yunit penerangan ke kampung-kampung. Saya harap perkara ini dapatlah diperbaiki dan saya rasa selain daripada pensyarah-pensyarah dari Jabatan Penerangan yang pegawai-pegawai penerangannya ditugaskan patut juga dalam yunit-yunit ini ataupun pihak Jabatan Penerangan menjemput ahli-ahli dakwah kita, ahli-ahli ugama, cerdik pandai kita sama-sama memberi penerangan selain daripada pegawai penerangan yang ditetapkan atau yang ditugaskan dalam perkara ini, kerana kalau kita hendak mengadakan yunit-yunit sendiri misalnya Jabatan Hal Ehwal Ugama hendak mengadakan yunit penerangannya sendiri tentulah memakan belanja yang banyak, tetapi kalau kita jemput mereka yang saya katakan tadi, sama-sama memberi penerangan dalam Jabatan Penerangan, dapatlah memberikan penerangan yang sejelas-jelasnya kepada rakyat sekalian terutamanya dalam menghadapi ajaran-ajaran salah dan sebagainya akibat dari kurang mendapat penerangan yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat inilah saja ucapan saya dalam membahaskan Rang Belanjawan tahun 1977 sebagaimana yang saya katakan tadi dan dengan ini saya

dengan tidak ragu-ragu lagi menyokong sepenuh-penuhnya Rang Belanjawan ini mudah-mudahan akan memberikan rahmat kepada rakyat dan negara kita seluruhnya.

5.05 ptg.

Datuk Albert Mah (Bukit Bendera): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Belanjawan 1977 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Banyak telah dibincangkan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli di Dewan ini di atas berbagai aspek pada Belanjawan di atas cukai pada beberapa hari yang lalu. Saya cadang hendak menyentuh hanya atas satu dua perkara sahaja. Adalah banyak alat-alat rumah tangga pada masa yang lalu dianggap sebagai kemewahan tetapi pada masa sekarang telah menjadi keperluan di dalam hidup kita sehari-hari.

Saya menyesal dengan mengetahui bahawa dalam usaha kita meninggikan cukai-cukai dari rakyat jelata kita, kita telah gagal mengenali perkara-perkara kegunaan rumah tangga yang bukan kemewahan lagi tetapi satu keperluan. Dalam aspek ini, saya merujuk kepada kenaikan cukai jualan ke atas TV. TV ada faedah pelajaran kepada kanak-kanak dan orang dewasa. Yang setebutnya, kami patut menggalakkan rakyat jelata kita memiliki peti-peti TV untuk pelajaran mereka sendiri. TV juga ada faedah kesukaan. Tuan Yang di-Pertua, kesukaan begitu saja bukanlah perkara kemewahan. Tanpa kesukaan hidup mungkin tidak bermakna lagi. Seorang manusia dengan tiada sebarang kesukaan akan lekas menjadi gila di dalam environment kita sekarang. Saya harap Yang Berhormat Menteri Kewangan bolehlah timbangkan berkenaan TV yang kurang 19 inci tidak payahlah di-cukai dan juga peti air sejuk di bawah 7 cubic feet tidak payahlah bayar cukai.

Banyak keritik telah dibuat pada kakitangan-kakitangan Kerajaan kerana kurang efficient dan kekurangan dedikasi. Saya percaya semua keritik itu tidak boleh dinafikan. Supaya adil kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan itu, kita mesti menganalisa apa yang menyebabkan hal serupa ini yang telah membuat mereka kurang efficient.

Jentera Kerajaan kita telah berkembang cepat pada tahun-tahun yang lalu. Kebanyakan kakitangan-kakitangan Kerajaan

kita adalah tidak dilatih dan dilengkapi supaya menyesuaikan diri mereka pada perkembangan yang cepat itu. Mereka yang lama di dalam perkhidmatan itu telah kurang efficient kerana kekurangan latihan semula. Tidak sesiapa tetap berada dalam kecekapan melainkan beliau dilatih semula dengan teratur. Ini adalah inti pada masalah kita.

Tambahan pula, apabila rakyat jelata kita semakin banyak menyedari hak-hak mereka, mereka telah menjadi semakin banyak berkehendakkan hak mereka. Adalah sangat penting sekali bagi Kerajaan mengenali sekiranya latihan semula dengan besar-besaran supaya dapat dilatih-Re-orientate dan dilengkapi semula kakitangan-kakitangan Kerajaan kita supaya menemui kehendak-kehendak rakyat jelata kita. Hanya kakitangan-kakitangan Kerajaan kita dilatih dengan betul untuk menjalankan tugas mereka. Kemajuan kita mungkin akan dirintangkan.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan negeri ini adalah kewajipan bagi setiap rakyat. Polis Di Raja Malaysia memainkan peranan yang penting bersama dengan pasukan tentera. Saya ingin menarik perhatian Dewan ini tentang pindaan gaji bagi Polis Di Raja yang berpangkat rendah. Enam bulan yang lalu satu pengumuman telah dibuat berkenaan dengan bayaran untuk kebelakangan pada pindaan gaji tetapi malangnya, hingga hari ini Polis Di Raja masih belum dapat gaji baru itu. Saya menyeru kepada Kementerian yang berkenaan supaya mempercepatkan bayaran itu. Janganlah kita cuba menguji kesabaran yang berada pada mereka.

Kadar kenaikan yang dicadangkan di atas cukai jalan ke atas motosikal akan mengakibatkan tanggungan berat di atas bahu-bahu orang yang miskin. Apabila negara kita menjadi semakin membangun, kebanyakan rakyat jelata kita terpaksa berjalan jauh untuk bekerja dan menjual barang-barang ataupun buatan mereka. Kenderaan yang paling murah sekali ialah motosikal. Pengenalanan kadar baru yang dicadangkan itu akan meningkat lagi tanggungan mereka yang sudah begitu berat itu.

Pengecualian dari cukai pendapatan di atas pesara-pesara itu adalah dialu-alukan dan saya cukup yakin bahawa saya ada sokongan daripada pesara-pesara untuk

mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana pengecualian ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah sangat di-kesalkan sekali mengetahui bahawa 3 orang yang Berhormat Ahli-ahli Dewan yang mulia ini telah ditahan di bawah I.S.A. mereka diberkas bersama-sama dengan 3 orang yang lain adalah dipandang dengan serius oleh public. Saya ingin mendesak Kerajaan supaya mempercepatkan penyiasatan ini dan mengumumkan kepada public akibat penyiasatan polis. Ini adalah sangat penting sekali kerana berbagai kabar angin yang buruk kini sedang tersibar di dalam negeri ini di atas pemberkasan itu.

Pemberkasan Encik Tan Kien Sin, Setia-usaha Eksekutif M.C.A. adalah dipandang dengan serius oleh Ahli-ahli M.C.A. dan rakyat keturunan China di negeri ini, lebih-lebih lagi Encik Tan telah terlibat dengan cergas di dalam kerja menyusun semula jentera parti itu. Selaras dengan keputusan-keputusan parti itu, Kerajaan mesti mengeluarkan satu kenyataan yang lebih awal supaya menentang kabar-kabar angin yang buruk kini sedang tersebar itu. Bahawa pemberkasan Encik Tan adalah bertujuan memadam minat di antara Ahli-ahli M.C.A. yang telah bekerja dengan berkesan di dalam menyatukan sokongan orang-orang China untuk parti itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak bercakap sedikit mengenai soal dadah. Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Polis Di Raja Malaysia, Biro Narkotik, Jabatan Kastam Diraja dan lain-lain ejensi Kerajaan yang telah berjaya memberkas sebilangan besar pengedar-pengedar, penjual-penjual dan penagih-penagih dadah dan rampasan heroin dengan quantity yang besar beberapa bulan yang lepas. Lebih kurang 350 orang warganegara Malaysia telah diberkas di seberang laut kerana mengedar dadah. Negeri kita telah terkenal secara antarabangsa sebagai pusat dadah. Ini telah mengakibatkan warganegara kita yang melawat keseberang laut tertakluk kepada pemeriksaan yang teliti di lapanganterbang antarabangsa di seluruh dunia. Di dalam Malaysia jumlah yang telah diberkas kerana kesalahan menggunakan dadah adalah lebih kurang 400 orang sehari. Di Kuala Lumpur sahaja jumlah sebanyak 2,200 pengedar-

pengedar dadah dan penagih-penagih dadah telah diberkas pada empat bulan yang lalu. Kebanyakannya daripada mereka adalah penagih. Penagih-penagih dadah itu setelah didakwa di mahkamah adalah biasanya dihantar ke hospital-hospital untuk diberi rawatan.

Di Hospital Besar Kuala Lumpur cuma ada 10 katil disediakan untuk tujuan itu. Oleh kerana banyak hospital-hospital lain tidak ada kemudahan-kemudahan rawatan penagih dadah, mereka dilepaskan selepas diberi beberapa rawatan lisan sahaja. Kemudian mereka kembali mengulangi perbuatan itu lagi. Bagi mengubat seseorang penagih dadah adalah mustahak bagi beliau dimasukkan ke hospital dan diberi detoxification selama dua minggu. Rawatan ini akan diikuti selama tiga hingga enam bulan di pusat pemulihan sebelum beliau boleh dibenarkan balik kepada masyarakat dengan selamatnya. Masa sekarang kita mempunyai tiga buah pusat pemulihan iaitu di Bukit Mertajam, Kuala Kubu dan Tampoi untuk memberi kemudahan kepada 240 orang sahaja. Saya dapat tahu juga ada lagi satu pusat pemulihan yang akan ujud tidak lama lagi yang mempunyai kemudahan yang cukup untuk lebih kurang 400 orang. Ini adalah tidak mencukupi memandangkan penagih-penagih dadah yang begitu banyak yang berkehendakkan rawatan. Jika penagih tidak di detoxification, adalah tidak berguna langsung bagi menghantar penagih-penagih dadah ke sesuatu pusat pemulihan. Kita sangat-sangat memerlukan pusat-pusat rawatan dadah yang boleh menampung 10,000 penagih-penagih dadah dengan kemudahan-kemudahan untuk deintoxification dan pemulihan, jika kita ingin hendak memerangi penyakit ini dengan secukupnya.

Rawatan bagi penagih-penagih dadah memerlukan penyeliaan perubatan yang rapi. Saya sedar bahawa Kerajaan ada kekurangan pegawai-pegawai perubatan. Ini boleh diatasi dengan mencatatkan pertolongan pihak doktor-doktor swasta di pekan-pekan besar, jika pusat-pusat rawatan dadah kita hanya bertempat di luar kawasan bandaraya. Saya ingin mendesak Kerajaan supaya mendirikan pusat-pusat rawatan dadah di George Town, Ipoh, Kuala Lumpur, Melaka, Seremban dan Johor Bahru di mana banyak penagih-penagih dadah yang didapati supaya rawatan yang sesuai dapat diberikan kepada mereka.

Pengedaran dadah adalah satu perniagaan banyak menguntungkan. Satu . perniagaan haram dengan milik tipu-menipu sahaja. Peniaga-peniaga dadah ini mestilah dibicarakan dengan cepat supaya ia akan menakutkan orang-orang lain. Adalah sangat diketahui bahawa mereka adalah mempunyai gabungan international dan dibiayai dengan sempurna. Adalah sangat perlu untuk menggerakkan semua sumber-sumber untuk menghapuskan penyakit dadah ini yang kini berpegang kuat kepada pemuda kita yang berumur di antara 15 ke 25 tahun. Untuk mengatasi masaalah-masaalah penyakit dadah dengan lebih berkesan, kita mesti mengambil perhatian atas tiga aspek seperti berikut:

- (1) mencegah,
- (2) detection,
- (3) pemulihan.

Dari quantity besar dadah yang telah didapati dan dirampas bersama-sama dengan jumlah besar orang yang diberkas kerana memiliki dadah, ini menunjukkan yang pencegahan kita tidak cukup berkesan, nasib baik detection oleh berbagai-bagai ejensi adalah berkesan. Oleh itu adalah mustahak bagi kita memperkuat lagi perjalanan pencegahan kita. Pemulihan penagih-penagih dadah adalah memakan belanja wang yang banyak dan mengambil masa. Pada masa ini kita ada organisasi-organisasi yang berikut yang melaksanakan kerja pemulihan iaitu Perkim, Pemadam, Pusat-pusat Pemulihan dan Pengelolaan oleh Kementerian. Nampaknya tidak ada pertubuhan atau organisasi pusat untuk mekoordinasikan daya usaha mereka itu. Memandangkan jumlah besar penagih-penagih dadah di dalam negeri ini iaitu lebih kurang 150,000 adalah sangat memerlukan satu pertubuhan atau organisasi pusat bagi coordinate daya usaha pemulihan. Satu kempen dan operasi yang dicadangkan dengan sempurna secara nasional mesti diadakan untuk mencari, memperkenalkan dan mendaftarkan semua penagih-penagih dadah supaya mereka terpaksa dihantar untuk rawatan, melainkan ini tidak dilaksanakan, saya takut semakin banyak lagi pemuda-pemuda kita akan menjadi penagih-penagih dadah.

5.25 ptg.

Tuan Oh Keng Seng (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan bagi tahun 1977 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan kita

pada minggu yang lalu di dalam Dewan ini nampaknya satu Belanjawan yang ringan dan painless tetapi janganlah kita diperdayakan oleh "crumbs" ini.

Pada fikiran saya, Belanjawan tahun 1977 cuma merupakan mengeluarkan asap untuk menyembunyikan sesuatu kerana ianya gagal memberikan kita satu gambaran yang penuh dan lengkap mengenai keadaan keselamatan dan ekonomi negara kita. Kerana Menteri Kewangan menyandang jawatannya itu tidak begitu lama, adalah tidak menghairankan beliau telah cuba menggambarkan keadaan ekonomi negara kita sebagai cerah serta menaikkan beberapa cukai sahaja supaya dapat memprojeikkan satu imej baru di dalam pandangan rakyat. Dalam perkara ini, satu imej yang baru lebih-lebih lagi diperlukan terutama sekali selepas percubaan membeli saham-saham Haw Par oleh PERNAS yang hampir-hampir menjadi abortive dan nyaris melibatkan wang yang berjuta-juta ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun 1977 adalah direka untuk melencungkan perhatian rakyat daripada masaalah-masaalah dan krisis-krisis serius yang terdapat di dalam Kerajaan Barisan Nasional. Ianya bertujuan melencungkan perhatian orang ramai daripada perebutan kuasa yang kini berlaku di dalam UMNO. Ianya adalah satu cara taktik yang digunakan oleh seorang Menteri dan penyokong-penyokongnya untuk menguatkan lagi kedudukan mereka di dalam UMNO. Juga ianya bertujuan menarik lebih banyak lagi pelaburan asing ke dalam negeri kerana buat masa ini pelabur-pelabur asing enggan hendak menanam modal di negara kita kerana ujudnya keadaan politik yang tidak stabil dan undang-undang yang menindas.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Rakyat Malaysia bimbang dengan perebutan kuasa yang kini berlaku di dalam UMNO. Baru pada tiga hari yang lalu, dua orang Timbalan Menteri terpaksa meletakkan jawatan mereka dengan tergesa-gesa dan pada hari yang kemudian, kedua-dua mereka telah ditahan. Walaupun sebarang alasan tidak diberi tentang penahanan mereka berdua ini, tetapi rakyat sedar apa yang sebenarnya telah berlaku. Rakyat amat hairan dan bimbang dengan apa yang dikatakan penglibatan mereka dengan Samad Ismail. Bagaimanakah tuduhan seperti ini

dapat diterima akal? Mengapa pihak Kerajaan tidak mendapat tahu tentang perhubungan ini lebih awal dahulu tetapi menunggu sehingga hal ini diberitahukannya mereka oleh Pemuda UMNO? Nampaknya, jentera Pemuda UMNO lebih efektif daripada jentera Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Kedua-dua Timbalan Menteri yang ditahan itu juga merupakan sahabat karib bekas Perdana Menteri kita dan sekiranya

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini apa ada kena-mengena dan hubungan rapat dengan perkara yang dibincangkan sekarang? Standing Orders mengatakan tiap-tiap ucapan itu hendaklah ditumpukan kepada masalah yang ada di hadapan Majlis ini sahaja, cuba tumpukan dan jangan keluar banyak sangat, sedikit-sedikit tak apa.

Tuan Oh Keng Seng: Ya, sedikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, kalau tuduhan ini benar, ini juga merupakan sahabat karib bekas Perdana Menteri kita, dan sekiranya tuduhan-tuduhan yang dibuat itu adalah benar, adakah ini bermakna Allahyarham Tun Razak bekas Perdana Menteri kita juga terlibat dalam kegiatan kominis?

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun penahanan Datuk Abdullah Ahmad dan Encik Abdullah Majid itu menjadi hal keluarga UMNO, perkara itu tidak henti di situ sahaja tetapi telah merempuh dan melibatkan pula parti-parti Pembangkang iaitu Parti D.A.P. dan P.S.R.M. Dua daripada pemimpin pusat D.A.P. saudara Chian Heng Kai, Ahli bagi kawasan Batu Gajah yang baru menjadi seorang ayah tiga hari yang lalu dan saudara Chan Kok Kit, Penolong Bendahari D.A.P. telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri di rumah mereka masing-masing iaitu di Ipoh dan Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, mengapakah Kerajaan Barisan Nasional memilih untuk menahan seorang Ahli Parlimen dalam masa Parlimen bersidang. Adakah penahanan ini dibuat kerana "Samad Ismail connection?" Jika ya, ini adalah amat mustahil dan tidak kena pada akal kerana saudara Chian Heng Kai dan Samad Ismail berada dalam dunia ideology yang berlainan sama sekali. Bukan itu sahaja, saudara Chian Heng Kai tidak juga kenal Samad Ismail samasekali.

Saya berkenaal saudara Chian Heng Kai sejak beberapa tahun dahulu ketika kami berdua-dua menyertai Parti D.A.P. untuk sama-sama memperjuangkan ke arah pengujudan sebuah negara Malaysia yang bersosialis. Saudara Chian Heng Kai telah di dalam ucapan-ucapannya, baik di dalam Dewan ini ataupun di luar memperjuangkan nasib rakyat miskin tanpa mengira kaum atau ugama. Beliau telah di antara lain menyeru Kerajaan membina sekolah-sekolah dan hospital-hospital serta rumah-rumah berharga murah untuk faedah rakyat. Beliau juga mengutuk Kerajaan Barisan Nasional kerana rasuah. Beliau juga mengkritik pihak pejabat Pegawai Daerah kerana menarik balik penawaran sebanyak \$10,000 untuk melaksanakan projek-projek kecil di kawasannya di Batu Gajah. Saudara Chian Heng Kai tidak mengkritik Kerajaan hanya untuk tujuan mengkritik.

Saya masih teringat semasa perdebatan diadakan di atas penubuhan Tabung Tun Razak, Saudara Chian Heng Kai telah memuji Allahyarham Tun Razak sebagai seorang pemimpin yang ulong. Saudara Chian juga seorang penyokong Chinese Education movement. Adakah ini salah? Adakah beliau seorang kominis. Secara ringkas, saudara Chian walaupun beliau merupakan seorang Ahli Parlimen dari pihak Pembangkang tetapi beliau adalah seorang yang percaya dalam "constitutional means" dan demokrasi berparlimen. Begitu juga dengan saudara Chan Kok Kit, Penolong Bendahari Parti saya. Beliau juga seorang patriot.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa memandang kepada penahanan dua orang pemimpin parti saya, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah menahan mereka yang tidak ada kaitan langsung dengan Samad Ismail ataupun dengan perebutan kuasa UMNO. Ini adalah perkelahian dalam keluarga UMNO. This is the family affair of UMNO. Janganlah melibatkan kita. Jangan pemimpin-pemimpin Pembangkang jadi mangsa pergolakan dalam UMNO.

Parti D.A.P. mengecam dan mengutuk penyalahgunaan kuasa oleh seorang Menteri yang tamak kuasa. Seorang Menteri yang arrogant. Kami menuntut supaya Saudara Chian Heng Kai, Saudara Chan Kok Kit dan Saudara Kassim Ahmad dibebaskan. Kami seru Kerajaan Barisan hentikan nonsense ini. Ini tidak akan membawa sebarang kebaikan.

Juga ini tidak akan menguntungkan negara kita. Biar kita mempelajari daripada apa yang telah berlaku di negeri Thailand sebelum lambat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jangan disebut sesuatu yang tidak baik terhadap negara yang ada hubungan baik dengan negara ini. Peraturan Mesyuarat tidak membenarkan.

Tuan Oh Keng Seng: Baik. Tuan Yang di-Pertua, biarlah kita mengamalkan demokrasi berparlimen.

5.37 ptg.

Tuan Edwin anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian dalam perbahasan atas Ucapan Belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 29hb Oktober, 1976. Di samping memberi sokongan wang yang dikehendaki pada tahun 1977 saya ingin menyentuh atas beberapa perkara yang penting kepada rakyat keseluruhannya dan sepatutnya diambil perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Kertas Perintah No. 25/76 rakyat di Sarawak adalah dianggarkan 70% keluarga-keluarga yang bergantung kepada penanaman padi. Oleh yang demikian, saya ingin memberi pandangan sedikit kepada Kerajaan Pusat supaya Kerajaan Persekutuan dapat mengambil perhatian dengan berat. Sungguhpun di Sarawak dengan adanya Menteri yang bertanggungjawab tetapi petani-petani yang menanam padi bukit tidak puas hati, kerana dalam masa yang lepas Kerajaan ada memberi bantuan kepada petani yang bersawah dengan benih yang baik, iaitu benih Mahsuri, Malinja dan Bahagia, tetapi kepada petani-petani yang tinggal di kawasan huma belum lagi disediakan dengan bantuan. Bantuan yang patut diberi kepada penanam padi bukit atau huma iaitu baja yang perlu sekali. Setakat ini Jabatan Pertanian ada memberi baja tetapi ia cuma menjadi contoh sahaja di Sarawak. Yang kedua, Kerajaan patutlah menambahkan membuka banyak lagi jalanraya yang menuju ke kampung-kampung dan rumah-rumah panjang supaya petani-petani dapat dengan mudah mengeluarkan padi ataupun lada hitam di pasaran yang berdekatan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pusat patutlah membantu dengan mesin-mesin kerana pada masa sekarang penanam di sawah juga memerlukan kerbau dan penanam padi huma di Sarawak sekarang cuma bekerja dengan parang ataupun cangkul sahaja, dan perkara seperti ini berpuluh-puluh tahun yang akan datang pun kepada petani di Sarawak sudah tentu sekali tidak dapat memberi hasil kepada negara. Ini bermakna secukup untuk hidup sendiri sahaja. Apa yang diperlukan oleh petani-petani di Sarawak ialah modern farmers iaitu bantuan dengan mesin-mesin dan melatih lebih banyak lagi petani-petani keluar negeri. Kerajaan Pusat patutlah menambahkan lebih banyak lagi bank-bank pertanian di negeri Sarawak dan juga patut menubuhkan bank koperasi di seluruh negara Malaysia. Saya percaya jika Kerajaan dapat menimbangkan perkara ini, saya fikir ini boleh memberikan kemudahan-kemudahan kepada petani-petani di seluruh Malaysia khususnya di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit berkenaan dengan petani-petani di luar negeri. Misalnya, di London tiap-tiap seorang petani itu dapat mengusahakan 500 hingga 600 ekar tanaman gandum ataupun menanam rumput dan buah-buahan. Kepada petani-petani yang memternak ayam mereka dapat menjaga 10,000 ekor ayam. Oleh kerana semua petani akan bekerja dengan automatic machine. Selain daripada itu didapati juga keluarga-keluarga di sana bekerja di kilang-kilang. Tidak kurang dari 65% dan petani-petani tidak kurang dari 10%, peniaga-peniaga 10%, kakitangan Kerajaan 10% dan pesara-pesara 5%. Ertinya 10% petani di negeri itu dapat mengeluarkan makanan kepada 90% rakyat di seluruh negara itu. Pada pandangan saya ini satu contoh yang patut dipandang baik oleh Kerajaan Malaysia. Malaysia sebuah negara yang banyak bersahabat dengan negara-negara yang kaya, maka Kerajaan kita juga patut membuat pinjaman wang dengan sahabat-sahabat kita itu supaya negara kita dapat meninggikan pendapatan negara pada masa yang akan datang. Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan patutlah dipuji oleh kerana beliau telah mengecualikan pesara-pesara di negara ini daripada membayar pencen mereka. Tetapi satu perkara

yang penting oleh kerana ada setengah-setengah pesara ini menerima pencen yang rendah, oleh yang demikian saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan mengambil perhatian dan menimbang untuk menaikkan pencen kepada pesara dengan berpatutan.

Beberapa hari yang lalu ramai Ahli-ahli dalam Dewan ini membangkitkan beberapa perkara-perkara yang penting berkenaan cukai-cukai ataupun keadaan kemiskinan serta keselamatan di negara ini. Saya rasa tidak payah saya mengulangi lagi tetapi ada satu perkara yang patut saya sebutkan di sini. Pertama berkenaan dengan railway line di Sarawak. Saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Boleh. Diizinkan.

Tuan Edwin anak Tangkun: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, in the Sarawak context, it may be too premature for me to propose before this Honourable House that the Federal Government should consider constructing Railways in Sarawak. With an area of 48,000 square miles of land mass and with nearly a thousand miles of distance between one part to another, we would have thought that Railways for Sarawak would have been a more practical and feasible mode of transport. There are many uses for the Railway services in Sarawak, viz., land can be opened up in the interior both for development and settlement; more development projects can be implemented practically and feasibly, while cheap and quick mode of transportation can be brought to the great many poor rural people in Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, I am aware of the great difficulty in constructing Railway lines in Sarawak due to the many rivers, swamps and the very undulating nature considered in the light of future economic development in a State which is sparsely populated. I, therefore, urge the Federal Government to look into the possibility of making available Railway lines in Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, I would like to touch on the National Shipping Line in the context of Sarawak. It is a good thing for a new nation which is developing to have its own shipping line, but it must be both active and practical or else

it will become a "white elephant". In the context of Sarawak development, the National Shipping Line can play a very important role in promoting the improved economic well being of the country. For example, Tuan Yang di-Pertua, while we have opened up vast areas of land for development, staffed and implemented many development projects and can grow in abundance agricultural produces in our country, but if we lack the means to bring these goods to outside markets ourselves then we will not derive benefit from all these efforts. In Sarawak, because we lack the frequent services of ships from the National Shipping Line, our rubber, pepper, etc. really find an outlet to Singapore. As a result, we find that we are at the mercy of foreign merchants in determining the prices for these commodities. What should have been done was that more ships should have been made available to bridge the shipping gap between the East and West Malaysia, so that there would be constant contacts between our various ports within Malaysia itself. In this way, Malaysian exports will flow and circulate to meet the demands in Malaysia itself. I, therefore, urge the Government to make available more ships of the National Shipping Line to ply on the Sarawak shores between Sarawak and West Malaysia.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong Belanjawan sebanyak \$4,694,337,589 bagi tahun 1977.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Adakah Ahli-ahli lain yang hendak bercakap? Kalau tidak ada Ahli yang bercakap, saya minta seorang Yang Berhormat Menteri mencadangkan ditangguhkan Dewan ini di bawah Peraturan Mesyuarat 12 (1).

PENANGGUHAN

USUL

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 8hb November, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.50 petang.